# Biografi
# Primadona Bangsawan

AMINAH NANI

# Biografi
# Primadona Bangsawan
AMINAH NANI

Noraza Hj Abdul Aziz

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Cetakan Pertama 2003

Cetakan Siri Biografi Tokoh Budaya

© Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Hakcipta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa jua bentuk atau cara sama ada secara eletronik atau mekanikal tanpa pemohonan bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Tingkat 34, Menara Dato Onn, Pusat dagangan Dunia Putra, 45 Jalan Tun Ismail, 50694 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Noraza Abdul Aziz
Biografi primadona bangsawan Aminah Nani/Noraza Abdul Aziz
ISBN 967-903-062-8
1. Aminah Nani, 1919-2000--Biography. 2. Actress--Malaysia--Biography. I. Judul.
927.914309595

Diedit oleh : Nawi Haji Adek

Penerbit :
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
(Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian)
Tingkat 34, Menara Dato Onn,
Pusat Dagangan Dunia Putra
45, Jalan Tun Ismail
50694 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2693 7111 Faks : 03-2693 2329/03-26963948

Dicetak Oleh :

JASOS (M) SDN BHD

- 4 NOV 2003
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01114676

**Belasungkawa**

*Aminah Nani telah pulang ke rahmatullah pada 6 November 2000 setelah diserang angin ahmar. Semoga Allah mencucuri rohnya. Amin.*

## PENGANTAR

Bangsawan merupakan titik tolak kepada persembahan drama moden. Perbezaan yang paling ketara antara bangsawan dan drama moden ialah penskripan. Bangsawan tidak menggunakan skrip tetapi menghafal dialog-dialog penting yang menjadi jalan cerita sementara dialog-dialog lain adalah dialog spontan pelakon itu sendiri. Titik perubahan persembahan berskrip ialah pada tahun 1930, apabila Shahrom Hussin buat pertama kalinya mementaskan drama Pembelot di Kampung Peserai, Batu Pahat yang mengandungi tiga babak. Walau bagaimanapun penskripan drama yang lengkap diterbitkan ialah drama Megat Terawis oleh Teh Fatimah Abdul Wahab.

Cerita bangsawan berkisar pada kisah raja-raja termasuk alam kayangan dan dunia nyata. Watak-wataknya terdiri daripada pahlawan, putera dan puteri yang kacak dan cantik, hamba, jin dan raksasa. Pelopor kepada persembahan bangsawan di Tanah Melayu ialah *Indera Bangsawan of Penang* yang ditubuhkan oleh Muhamad Pusi. Sekitar tahun 1920-an, bangsawan mula bertukar kepada opera tetapi konsep persembahan tetap sama.

Antara kumpulan tersebut ialah *Grand Opera, Indera Bangsawan Opera, Malay Opera of Selangor, Malay Opera of Malacca, Star Opera, Seri Noora Opera* dan lain-lain. Bangsawan menggunakan panggung dan teknik lampu mengikut cara barat. Ia menggunakan sistem set saiklorama. Tirai-tirai ini mengandungi tiga hingga tujuh set pemandangan. Antaranya tirai istana, tirai hutan, tirai laut, tirai awan, tirai kampung, tirai gua dan tirai kosong. Terdapat juga kepingan-kepingan kadbod yang dilukis mengikut jalan cerita sebagai set yang boleh disorong-tarik. Oleh kerana bangsawan adalah drama berbentuk pengajaran, tirai dan kadbod berfungsi sebagai penimbul reaksi emosi yang mendalam terhadap penonton.

Aminah Raden Nani atau lebih dikenali sebagai Mak Nani adalah seorang primadona yang menghambakan seluruh usianya kepada persembahan bangsawan khususnya sekitar tahun 30-an ke tahun 2000. Biografi beliau ini sedikit sebanyak merakainkan penglibatan dan sumbangannya dalam bangsawan tetapi dalam masa yang sama juga menyelami pahit getir yang dialami sebagai seorang primadona bangsawan yang tersohor tanah air kita.

**Norliza Rofli.**
Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

## MUKADIMAH

Puan Aminah Nani atau lebih mesra dengan panggilan Mak Minah bukanlah orang baru dalam dunia bangsawan. Lebih 60 tahun mengabdikan diri dalam dunia seni, baginya selagi nyawa di kandung badan selagi itulah beliau akan terus berjuang memartabatkan seni 'bangsawan'. Di zaman mudanya, Mak Minah menjadi kegilaan ramai lantaran wajahnya yang jelita dan lakonan yang memukau. Dia adalah antara 'sri panggung' tersohor lewat tahun 30-an dahulu.

Timbulnya idea untuk menulis tentang Mak Minah ialah apabila saya terlibat dengan beliau semasa penyelidikan cerita dan skrip bangsawan. Bagai orang mengantuk disorongkan bantal, Mak Minah merasa gembira dan menyambut baik cadangan itu. Walaupun ada sesetengah fakta yang dilupai, beliau akan segera menelefon saya di pejabat apabila sudah dapat mengingatinya semula. Pun demikian ada setengah ceritanya terpaksa saya *'off record'* kerana terlalu peribadi. Muka Mak Minah tampak ceria dan berseri apabila menceritakan pengalaman lampau beliau sebagai anak seni. Saya pula seronok dan leka mendengar celoteh Mak Minah. Biar pun usianya sudah melewati 80 tahun, Mak Minah tampak cergas dan tidak nyanyuk. Cuma pendengarannya sahaja sedikit terjejas. Pernah kami sama-sama ketawa lantaran masalah tersebut. Berkali-kali dia mengingatkan saya agar menguatkan suara semasa bertanyakan soalan. Mak Minah juga seorang yang cukup sensitif. Beliau kerap kali menangis di hadapan saya sekiranya mengingati peristiwa yang menyentuh perasaannya.

Walaupun tidak pernah menjejak kaki ke sekolah secara formal, Mak Minah boleh membaca dan menulis dengan baik. Menurutnya, dalam bangsawan, ada guru yang ditugaskan untuk mengajar mereka. Begitu juga dalam bidang agama, anak-anak wayang diajar mengerjakan sembahyang.

Biarpun Mak Minah bukannya berasal dari Pulau Pinang, tetapi beliau diterima baik oleh masyarakat setempat lantaran sikapnya yang peramah, baik hati dan kaya dengan budi bahasa. Selama 43 tahun (1957-2000) menetap di Kampung Makam, Pulau Pinang, Mak Minah menganggap Pulau Mutiara sebagai tempat tumpah darahnya

sendiri. Di samping itu, beliau juga bergerak aktif dalam Pergerakan Wanita UMNO Pulau Pinang.

Dalam buku ini banyak pengalaman yang cuba dikongsi Mak Minah bersama kita semua. Bermula dari kehidupan keluarganya, perkahwinan sehinggalah pembabitan beliau dalam dunia bangsawan dari dahulu sehingga kini. Di samping itu juga ada dimuatkan pantun-pantun hasil karya beliau (dicipta secara spontan) dan gambar-gambar lama Mak Minah sepanjang hidupnya dalam dunia seni.

Kita hanya mampu merancang, Allah jua yang menentukannya. Ajal, maut, jodoh pertemuan tidak siapa mampu menduga. Pada 13 Oktober 2000, Mak Minah secara tiba-tiba diserang angin ahmar di rumahnya selepas bersarapan pagi. Selama seminggu di hospital dan kemudiannya berubat tradisional di kampung, Mak Minah akhirnya pergi jua mengadap Illahi pada tanggal 6 November 2000. Walaupun terkilan, kerana Mak (panggilan saya untuknya) tidak sempat menatap buku ini, saya amat menyanjung tinggi pengorbanan beliau sekeluarga yang banyak membantu. Secara peribadi, saya amat terasa kehilangannya. Doa saya semoga Mak ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah...

**Noraza Haji Abd Aziz**
Bahagian Pemuliharaan dan Penyelidikan
Pejabat Kebudayaan dan Kesenian
Negeri Pulau Pinang

**KANDUNGAN**

Pengantar vii

Mukadimah x

**Bab 1** 1
Latar Belakang Keluarga

**Bab 2** 11
Penglibatan Dalam Bangsawan

**Bab 3** 37
Cerita Bangsawan

**Bab 4** 42
Latihan Lakonan

**Bab 5** 45
Nyanyian Dan Tarian

**Bab 6** 48
Solekan

**Bab 7** 50
Mak Minah Dalam Kenangan

**Bab 8** 52
Pantun Kasih

## BAB I

## LATAR BELAKANG KELUARGA

Melihat dia beraksi di pentas, pasti ramai terpegun. Suaranya masih merdu, lantang dan mampu meraih tepukan gemuruh. Aksinya juga kadangkala lucu dan bersahaja. Lebih 60 tahun mengabdikan diri dalam dunia seni, baginya selagi nyawa di kandung badan selagi itulah dunia bangsawan akan terus diperjuangkan. Itulah pejuang seni sepanjang zaman, Aminah Nani atau mesra dengan panggilan Mak Minah Alias.

Dilahirkan pada 15 Januari 1919 di Lorong Pisang, Singapura. Berketurunan darah seni. Datuknya, Raden Haji Omar merupakan pengajar tarian Klasik Jawa di Keraton (istana) Surakarta, Jawa. Bersama isterinya Kastamah, Raden Haji Omar berhijrah ke Singapura dan menetap di Kampung Jawa (Kampung Gelam). Pasangan ini dikurniakan seramai lima orang anak iaitu Raden Muhammad (meninggal kecil), Raden Harnani (Wak Nani - bapa Mak Minah), Raden Khairunan, Raden Khairani dan Raden Marhaini Urep. Hidup di perantauan memaksa Raden Haji Omar bekerja keras untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga. Walau pun tidak dilimpahi kemewahan mereka hidup aman dan bahagia.

Ketika anak-anaknya meningkat usia remaja, Raden Haji Omar jatuh sakit lalu meninggal dunia. Sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, beliau berwasiat kepada anak sulungnya agar menikahkan ibu mereka bersama sepupunya, Haji Kadir. Selepas tamat tempoh edah, Haji Kadir datang melamar Kastamah. Bersamanya, Kastamah dikurniakan anak seramai tiga orang.

Dari seramai lapan beradik, Raden Harnani atau Wak Nani lebih menunjukkan kecenderungan dalam bidang seni. Beliau merupakan pemain wayang kulit Jawa atau 'wayang wong' yang cukup handal di Singapura. Beliau kerapkali bermain di kaki lima berhadapan kedainya sendiri di Kampung Selong. Kehandalan Wak Nani memikat hati penduduk setempat. Maka tidak hairanlah, persembahannya sering dilimpahi penonton. Semasa menjadi pemain 'wayang wong', Wak Nani bertemu jodoh dengan Siti Aisyah wanita



Aminah Nani ( Mak Minah Alias )

yang berasal dari Sarawak. Pasangan ini dikurniakan cahaya mata seramai tiga orang iaitu Muhammad, Rafeah dan Muhammad Ali.

Pun demikian, umur Siti Aisyah tidak panjang. Beliau meninggal dunia semasa melahirkan anak ketiganya. Kematian isterinya benar-benar memberi tekanan kepada Wak Nani. Dengan bantuan adiknya (Marhaini Urep), anak-anaknya ditinggalkan bersama ibu saudara mereka semasa beliau keluar bekerja. Ketika itu, Wak Nani sudah berjinak-jinak dengan dunia bangsawan. Beliau menjadi '*State Director*' di Star Opera. Kesibukan di pentas bangsawan sedikit sebanyak dapat mengubati kesedihan hatinya. Walaupun saudara mara dan rakan mendesaknya mencari pengganti, Wak Nani sekadar menggelengkan kepala. Banyak calon pilihan yang ditunjukkan malahan ada daripada kalangan pelakon bangsawan yang menaruh hati, Wak Nani menolaknya dengan lembut.

Pada suatu hari, ketika Wak Nani sedang sibuk di pentas, beliau didatangi oleh dua wanita serani iaitu Alice dan Catherine Debriss. Catherine menyatakan hajatnya untuk menjadi penyanyi bangsawan setelah terpikat melihat aksi lakonan dan nyanyian 'Thairuddin Tairu' dalam sebuah persembahan bangsawan. Dalam uji bakat yang dijalankan sendiri oleh Wak Nani, ternyata Catherine berbakat besar dan mempunyai suara yang lemak merdu. Selain dari itu, beliau juga mahir bermain piano. Wak Nani berpuas hati dan menerima Catherine sebagai penyanyi bangsawan. Ketika itu panggung Star Opera hanya mempunyai seorang sahaja penyanyi iaitu Miss Anne wanita berketurunan Belanda. Semenjak itu, bermulalah liku hidup Catherine Debriss sebagai seorang anak seni.

Catherine Debriss merupakan wanita kacukan. Ibunya berketurunan Serani Melaka, manakala bapanya seorang lelaki Inggeris dari Amerika Syarikat. Beliau merupakan anak bongsu dari seramai lima orang adik beradik iaitu Anthony Debriss, Cherill Debriss, John Debriss dan Helen Debriss. Ketika Catherine masih kecil, bapanya meninggal dunia. Kesemua abangnya kecuali Helen dan Catherine dihantar melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat dalam jurusan perubatan dan kejuruteraan. Manakala Catherine dimasukkan ke Raffles College di bawah pengawasan seorang '*sister*'.

Helen, kakaknya yang sakit akibat jatuh pokok dibawa pulang oleh abangnya Dr. Anthony ke Amerika Syarikat dan meninggal di sana. Catherine yang kesunyian merasa begitu sedih dan kecil hati kerana tersisih daripada ahli keluarganya sendiri. Ketika itu ibunya juga sudah meninggal. Semasa di Raffles College, Catherine menerima lamaran daripada Gabenor Singapura menjadikannya sebagai anak angkat. Beliau terpikat setelah melihat perawakan Catherine yang cantik menawan sewaktu membuat lawatan ke kolej berkenaan. Walau bagaimanapun beliau hanya tinggal selama tiga hari sahaja kerana merasa janggal dan tidak sesuai.

Selepas tamat pengajiannya di Raffles College beliau memulakan kerjaya pertamanya di Robinsson Road sebagai pembuat pakaian dan topi. Jemu dengan kerja lamanya, Catherine bertukar selera dengan menjadi seorang operator telefon dengan memakai gelaran nama Mary.

Semasa di *Star Opera* Wak Nani sentiasa memberikan perhatian dan galakan kepada Catherine. Hal ini menimbulkan kecemburuan kepada Sri Panggung nombor dua yang juga turut menaruh hati kepada Wak Nani. Keakraban pasangan ini lama kelamaan telah menimbulkan bibit-bibit cinta antara mereka. Pun demikian, masing-masing tidak pernah meluahkan hati dan perasaan. Bagi Wak Nani yang sudah berpengalaman, perasaannya itu ditunjukkan melalui sikapnya yang sentiasa mengambil berat. Catherine yang mengetahui rahsia hati Wak Nani tertunduk malu apabila diusik oleh anak-anak wayang. Wak Nani yang sememangnya sudah lama menduda menunggu masa yang sesuai untuk menyunting Catherine sebagai permaisuri hidupnya.

Sebelum berkahwin, Catherine telah mendapat hidayah melalui mimpi. Beliau meluahkan hasratnya kepada Wak Nani untuk memeluk agama Islam. Namanya kini bertukar dan dikenali sebagai Fatimah binti Abdullah. Berkat bimbingan Wak Nani dan ibu angkatnya, juga seorang pelakon bangsawan keturunan Jawa, Fatimah berjaya menjalani kehidupan sebagai seorang muslim.

Ketika kumpulan bangsawan *Star Opera* membuat persembahan di Panggung Duryland, Pulau Pinang, Wak Nani telah

melamar Fatimah. Ternyata Wak Nani tidak bertepuk sebelah tangan. Setelah persetujuan dicapai, kedua mempelai dinikahkan dalam suasana yang sederhana tetapi meriah. Anak-anak wayang menyambut berita itu dengan perasaan gembira dan terharu. Dalam hati, Wak Nani berjanji akan menjaga Fatimah sebaik mungkin apatah lagi dia seorang saudara baru.

Hasil perkongsian hidup bersama, mereka dikurniakan anak seramai empat orang iaitu Hasnah (meninggal kecil), Aminah (Mak Minah), Mohd Salleh (meninggal kecil) dan Abdullah. Di samping anak-anaknya sendiri, Fatimah turut menjaga anak-anak tirinya. Sifat Fatimah yang lemah lembut dan penuh keibuan disenangi oleh mereka. Beliau lebih rapat dengan anak-anak tirinya berbanding Wak Nani sendiri.

Selepas berumahtangga, Fatimah lebih memberikan tumpuan kepada keluarga. Di pentas bangsawan, beliau hanya terlibat sebagai tukang jaga pakaian. Namun begitu, ketika berusia lapan bulan mengandungkan Mak Minah, Fatimah masih aktif menari dan menyanyi di pentas bangsawan. Maka tidak hairanlah lahirnya insan seni serba boleh seperti Mak Minah.

Wak Nani yang telah mendapat pengganti isterinya semakin rancak dengan dunia bangsawan. Persembahannya mendapat tempat di hati peminat dan sekaligus memberi pulangan yang lumayan. Kehidupan Mak Minah sekeluarga agak mewah dan ketika itu mereka sekeluarga menetap di No 21, Tanjung Katong, Singapura.

Selain mempunyai kemahiran dalam bidang seni, Wak Nani juga mempunyai kebolehan dalam ilmu perubatan tradisional. Pernah seorang teman meminta pertolongannya mengubati anak kawannya yang bernama Aminah akibat terkena buatan orang. Dengan izin Allah S.W.T., penyakit Aminah berjaya diubati. Bapa Aminah yang berketurunan Pakistan, sebelum ini telah bernazar barangsiapa yang berjaya menyembuhkan anaknya, orang itulah yang akan dijodohkan bersama Aminah. Wak Nani yang menolak permintaan tersebut, tidak dapat berbuat apa-apa setelah didesak oleh bapa Aminah.



Kenangan: Dari kiri Pak Alias, Mak Minah, Salamah ( Adik Mak Minah ) dan seorang kenalan

Pernikahannya dirahsiakan daripada pengetahuan Fatimah demi menjaga hati isterinya. Walaupun berkahwin lain, Wak Nani tidak pernah melupakan tanggungjawabnya kepada Fatimah dan anak-anaknya. Keadaan ini langsung tidak menimbulkan syak wasangka kepada Fatimah sekeluarga. Apatah lagi Fatimah seorang isteri yang tidak banyak mulut dan sentiasa menghormati suaminya.

Walau bagaimanapun rahsia perkahwinan Wak Nani diketahui juga akhirnya apabila suatu hari beliau membawa pulang seorang bayi perempuan. Wak Nani meminta pertolongan Fatimah menjaga bayi itu kerana Aminah diserang penyakit lamanya. Setelah didesak, Wak Nani mengakui bahawa bayi itu adalah hasil perkahwinannya yang dirahsiakan sebelum ini. Setelah diberi penerangan oleh Wak Nani, Fatimah yang sedikit terkejut, menerima berita itu dengan redha. Beliau menjaga bayi perempuan yang diberi nama Salamah dengan penuh kasih sayang.

Aminah yang ketika itu dalam tempoh berpantang suatu hari telah berkunjung ke rumah Fatimah untuk melihat anaknya. Melalui seorang penarik beca yang kebetulan merupakan kenalan Wak Nani, beliau yang tidak terurus menimbulkan perasaan belas kasihan Fatimah kepadanya. Sekembalinya dari tempat kerja, Wak Nani terkejut melihat isteri keduanya berada di rumah. Mengetahui perasaan suami yang serba salah, Fatimah menarik tangan Wak Nani masuk ke dalam bilik. Setelah berbincang dengan suaminya, Fatimah dengan ikhlas hati bersetuju untuk menjaga madunya itu. Perasaan Wak Nani tersentuh melihat keikhlasan dan kebaikan Fatimah. Tanggungjawab yang bertambah mendorong Wak Nani bekerja keras menyara kehidupan mereka sekeluarga.

Semasa berada di luar Singapura, Wak Nani tidak pernah lupa dan sentiasa mengirimkan perbelanjaan bulanan sebanyak dua ratus ringgit kepada Fatimah. Pun begitu, kebahagiaan yang dikecapi tidak selama-lamanya. Diharapkan panas hingga ke petang rupanya hujan di tengahari. Fatimah sekali lagi diuji. Wak Nani bernikah lagi. Kali ini dengan Sri Panggung, Mak Chah (Wan Aisyah) wanita berkulit putih yang berasal dari Kedah. Perkahwinan Wak Nani dan Mak Chah tidak menghasilkan sebarang zuriat.

Fatimah menerima keadaan ini dengan linangan air mata. Bukan sedih kerana Wak Nani berkahwin lagi, tetapi sedih mengenangkan sikap suami yang kian melupai tanggungjawabnya sebagai suami dan ayah kepada anak-anaknya. Semenjak berkahwin dengan Mak Chah, Wak Nani langsung tidak pernah bertanyakan khabar apatah lagi mengirimkan wang perbelanjaan. Melihat jernih mata anak-anak, Fatimah mengambil keputusan menyertai bangsawan semula. Bersama dua orang anaknya, Aminah dan Abdullah, Fatimah membawa mereka menyertai wayang Thairuddin dalam *Dean Opera*. Ketika itu Mak Minah baru berusia 11 tahun.

Perkahwinan pertama Mak Minah ketika beliau berusia 13 tahun dengan Mohd Kassim bin Mohd Noor seorang pelakon bangsawan (orang muda). Mohd Kassim ketika itu sudah berusia lewat 20an dan sebelumnya pernah berkahwin dua kali. Perkahwinannya bersama Mak Minah adalah yang ketiga baginya dan tidak menghasilkan sebarang zuriat. Perkenalan mereka terjalin ketika sama-sama menganggotai kumpulan *Royal Opera*. Sejak dari awal lagi, Kassim sudah menyimpan hati terhadap Mak Minah. Takut dipikat orang lain, Kassim cepat-cepat menyuruh ibunya masuk meminang. Oleh kerana ibu Kassim dan ibu Mak Minah kenalan lama, lamaran mereka diterima. Mak Minah yang ketika itu langsung tidak menaruh hati kepada Kassim sekadar menuruti sahaja kemahuan ibunya.

Pun begitu, Mak Minah merasa dukacita melihat tingkahlaku Kassim. Apatah lagi ketika itu, Mak Minah masih mentah untuk melayari bahtera perkahwinan. Harapkan panas hingga ke petang rupanya hujan di tengahari. Kassim yang diharapkan menjadi dahan berteduh rupanya seorang yang panas baran, pemabuk dan tidak bertanggungjawab. Dalam usia perkahwinan yang masih muda, Mak Minah hanya kenyang dengan sepak terajang suaminya sahaja. Mak Minah tidak punya pilihan selain bersabar. Akhirnya kesabaran Mak Minah sampai ke kemuncak apabila suatu hari ibunya, Fatimah turut dipukul Kassim. Di depan anak wayang lain, Mak Minah mencabar Kassim agar menceraikan dirinya. Ketika itu, diri Mak Minah didatangi 'saka' keturunan bapanya. Melihat keberanian isterinya yang luar biasa, Kassim sembunyi kerana ketakutan. Akhirnya talak dilafazkan dan Mak Minah bergelar janda dalam usia muda 14 tahun.

Beliau bertemua jodoh kali kedua dengan pasangannya Mohd Alias Abdul Manan pada tahun 1942 ketika usianya 23 tahun. Perkenalan mereka bermula ketika sama-sama menganggotai Grand Noran (wayang Pak Yem) dalam cerita *'Jula-Juli Bintang Tujuh'* di Sungai Petani, Kedah. Mengingati kenangan manis itu, Mak Minah berkata pada suatu petang ketika semua anak wayang habis latihan, dia didatangi oleh tiga orang Pegawai Tentera Jepun. Mereka memaksa Mak Minah meninggalkan pentas bangsawan kerana Pegawai Tertinggi Tentera Jepun sedang menunggu Mak Minah di bilik kediamannya. Menurut tentera bawahan itu, Pegawai atasannya sudah mabuk kepayang dan jatuh hati kepada Mak Minah.

Ketika peristiwa itu, hanya Mak Minah, ibunya Fatimah dan Pak Alias sahaja yang ada. Menyedari niat mereka yang tidak baik, tidak punya pilihan, Mak Minah terus memegang tangan Pak Alias dan memberitahu mereka (tentera Jepun) bahawa dia adalah tunangnya. Pak Alias yang terpinga-pinga sekadar menganggukkan kepala. Percaya dengan cakap Mak Minah, tentera Jepun terus meninggalkan mereka. Sejak dari itu, hubungan dua merpati ini kian intim dan bertaut mesra.

Pada tahun 1942, bertempat di Masjid Zahir Alor Star, Kedah, keduanya diijabkabulkan dengan berwalikan sultan. Sama cantik sama padan bagai pinang dibelah dua. Mereka ke Masjid dengan ditemani Pak Yem. Semasa urusan akad nikah dijalankan, di luar masjid ada dua buah kereta yang tidak dikenali sedang menunggu untuk membawa lari Mak Minah. Menyedari situasi itu, Imam menasihati Mak Minah dan Pak Alias agar tinggal buat sementara di dalam masjid.

Perkahwinan yang penuh dugaan ini dimeriahkan dengan kehadiran tiga orang cahaya mata. Dua daripadanya meninggal sewaktu kecil dan yang tinggal kini anak lelaki tunggal mereka, Mohd Ariffin bin Mohd Alias. Mak Minah melahirkan Ariffin sewaktu menemani suaminya Pak Alias membuat persembahan di Pasir Bedamar, Teluk Anson (Teluk Intan) Perak pada 18 Januari 1950.

Semasa Ariffin menceecah umur tujuh tahun, Mak Minah sekeluarga mengambil keputusan menetap di Pulau Pinang kerana anaknya sudah bersekolah. Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Ariffin juga menunjukkan kecenderungannya dalam bidang seni. Beliau handal bermain beberapa alat muzik tradisional dan pernah berlakon bangsawan bersama ibu bapanya. Ariffin melangsungkan perkahwinannya bersama Norhayati Mohd Ghouse di Kalumpang, Selangor pada 4 April 1986. Norhayati merupakan saudara sebelah Pak Alias. Pernikahan mereka diatur oleh keluarga kedua-dua belah pihak.

## BAB 2

## PENGLIBATAN DALAM BANGSAWAN

Mak Minah menceburi bidang bangsawan sewal usianya lapan tahun. Pun begitu, pembabitannya secara kebetulan tanpa dirancang. Ketika bapanya Wak Nani menerajui *Genani Star Opera* membuat persembahan di Kuala Lumpur (berhadapan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dalam cerita *Geno Fifa*, mereka menghadapi masalah kerana pelakonnya, Ainon Chik tidak dapat beraksi kerana diserang demam. Wak Nani yang kebuntuan lalu mendapatkan anaknya sendiri Mak Minah yang dipanggil 'Min' sebagai pengganti.

Mak Minah yang keberatan pada mulanya, akhirnya mengangguk setuju setelah diberi tunjuk ajar oleh bapanya. Dalam cerita *'Geno Fifa'*, Mak Minah diberi peranan sebagai Puteri Geno Fifa semasa kecil. Kerana jalan ceritanya di dalam hutan, mereka memakaikan daun-daun di sekeliling badannya sebagai pakaian. Ketika inilah berlaku adengan melucukan dan menjadi kenangan manis buat Mak Minah.

Daun-daun yang dipakaikan kepada Mak Minah tanpa disedari rupa-rupanya mengandungi semut kerengga. Mak Minah yang ketika itu sedang beraksi di atas pentas, menangis dan memanggil bapanya Wak Nani sambil menggaru-garukan badannya. Semua penonton ketawa kerana terhibur melihat aksinya. Wak Nani yang berada di belakang pentas juga turut ketawa melihat aksi spontan anaknya itu.

Satu peristiwa yang juga agak melucukan ialah semasa adegan kejar mengejar Puteri Geno Fida dengan seekor rusa. Mak Minah mengetahui bahawa Hamid (abang angkatnya) yang memakai topeng kepala rusa tersebut. Mak Minah yang keseronokan dikejar akhirnya menarik topeng rusa yang dipakai oleh Hamid itu tadi. Orang ramai bersorak kesukaan melihat aksi Mak Minah yang bersahaja. Tirai bangsawan terpaksa dilabuhkan. Semua pelakon ketawa kerana tidak menyangka Mak Minah akan bertindak sedemikian.



Pasangan seni yang ideal.

Wak Nani yang berada di belakang pentas menepuk dahi melihat aksi Mak Minah yang tidak terduga itu. Beliau yang ketakutan teresak-esak dimarahi bapanya menyorok sambil menangis keseorangan. Wak Nani yang sedar terus mendapatkan anaknya dan memujuk. Selepas persembahan, Mak Minah diberikan pelbagai bentuk hadiah berupa coklat dan anak patung daripada penonton.

Setiba di rumah, ibunya Fatimah terkejut melihat hadiah yang dibawa pulang oleh Mak Minah. Fatimah yang tidak membenarkan anak-anaknya menceburi bangsawan, memarahi Wak Nani. Baginya biarlah anak-anaknya tidak mengikuti jejak langkah mereka sebagai anak wayang. Fatimah tidak sanggup melihat anak-anaknya menderita dan dihina masyarakat. Ini adalah kerana pada zaman dahulu mereka yang terlibat dengan seni akan dipandang hina oleh masyarakat sekeliling.

Perpisahan tanpa talak antara Fatimah dan Wak Nani kemudiannya mengheret kembali Mak Minah dalam dunia bangsawan. Ketika itu, beliau berusia 11 tahun. Fatimah yang merajuk dan kecil hati dengan sikap Wak Nani membawa bersama dua orang anaknya, Abdullah dan Mak Minah menyertai *Dean Opera* yang diterajui oleh Thairuddin Thairu.

Pada peringkat awalnya, Mak Minah diberi peranan sebagai dayang, penari dan penyanyi *extra turn*. Walaupun bermula dari bawah, Mak Minah tidak pernah merasa malu sebaliknya berazam untuk menjadi seorang primadona yang tersohor satu hari nanti. Ketika melihat Sri Panggung lain beraksi, Mak Minah tidak pernah lepas pandang. Beliau mengutip satu persatu pengalaman yang ditimba. Dari situlah beliau belajar untuk menjadi seorang pelakon bangsawan. Balik ke rumah, beliau sering beraksi sendirian di depan cermin sambil diperhatikan oleh ibunya.

Keluar dari *Dean Opera*, Mak Minah menganggotai kumpulan *British Malaya Opera*. Kumpulan itu diketuai oleh pasangan suami isteri yang berketurunan Jawa iaitu Pak Renek dan Mak Otok. Ketika itu, Mak Minah berusia 12 tahun. Semasa di British Malaya Opera, Mak Minah berpeluang mempelajari pelbagai jenis tarian dari kepala chorus (ketua tarian) yang bernama Johny. Bersama

kumpulan itu juga. Mak Minah turut berpeluang membuat persembahan di merata tempat. Selain Singapura, Mak Minah menjelajah hingga ke Sibu, Miri dan Sandakan.

Semasa membuat persembahan di Miri, Mak Minah mengalami haid yang pertama. Kenduri kecil diadakan di mana bubur putih dan merah dihidangkan kepada tetamu. Ini adalah mengikut kepercayaan dan tradisi masyarakat Jawa. Kakak angkat Mak Minah 'Naimah' (penari bangsawan) banyak memberi tunjuk ajar kepadanya setelah bergelar anak dara.

Persembahan di Miri juga meninggalkan nostalgia manis kepadanya. Buat pertama kali, Mak Minah menerima lamaran daripada seorang pemuda India Muslim yang kaya raya. Pelbagai hadiah ditaburkan kepadanya. Demi menjaga hatinya, Mak Minah terpaksa berbohong menyatakan sudah mempunyai kekasih hati. Jejaka yang dimaksudkan ialah Osman Ahmad, seorang pemain piano dan trumpet dalam kumpulan *British Malaya Opera*. Walau pun berbohong, hakikatnya Mak Minah sememangnya menaruh hati secara diam kepada pemuda berjambul depan itu. Mereka kerap kali bermain mata ketika mengadakan latihan atau pun ketika waktu rehat. Masing-masing malu untuk meluahkan perasaan apatah lagi Mak Minah yang kini sudah menjadi anak dara sunti. Pun begitu, perhubungan Mak Minah bersama Osman Ahmad terputus apabila Mak Minah berhijrah ke kumpulan bangsawan yang lain.

Walau pun Mak Minah memberikan pelbagai alasan, pemuda India Muslim itu tidak pernah putus asa dalam memenangi hati Mak Minah. Sewaktu kumpulan mereka hendak berangkat membuat persembahan di Sandakan, Mak Minah dibawa lari sedari awal pagi ke dalam bot kerana takut dikejar oleh pemuda tersebut.

Persembahan Mak Minah di Sandakan juga mencatatkan sesuatu yang menjadi kenangan sehingga kini. Kejelitaan Mak Minah sekali lagi telah menambat hati seorang pemuda yang bernama Kamaruddin. Beliau merupakan anak seorang hartawan di Sandakan. Sebagaimana pemuda awal tadi, Kamaruddin juga memberikan pelbagai jenis hadiah yang mahal kepada Mak Minah. Beliau menjadikan 'Johny' (kepala penari) sebagai talibarutnya. Pun begitu,

Mak Minah menolaknya dengan lembut. Hati Mak Minah masih terkenangkan Osman Ahmad. Mak Minah sentiasa berdoa agar mereka dipertemukan kembali.

Ketika kumpulan bangsawannya hendak berangkat pulang ke Singapura, Mak Minah didatangi oleh lima orang pemuda. Salah seorangnya memperkenalkan diri sebagai bapa saudara Kamaruddin. Mereka memohon izin daripada Fatimah untuk melamar Mak Minah. Ini disebabkan Kamaruddin menjadi tidak keruan kerana terlalu mencintai Mak Minah. Mak Minah yang terpinga sekadar menggelengkan kepala kepada ibunya. Kamaruddin yang berada dalam kereta menangis mendengar penolakan lamarannya. Mak Minah menolak kerana hatinya masih kepada Osman Ahmad. Tidak mungkin hatinya berubah. Hanya Osman Ahmad yang sering terbayang di ruang mata. Kamaruddin kemudiannya menghadiahkan sekotak sapu tangan kepada Mak Minah.

Balik di Singapura, Mak Minah menyertai *Wayang Zainol*. Bersama wayang tersebut, Mak Minah berpeluang membuat persembahan di Mentok, Pulau Bangka, Belinyo, Pangkal Pinang, Tiboli, Kobaik dan Sumatera. Kakak angkatnya pelakon Ainon Chik yang ketika itu bergelar Sri Panggung turut sama dalam kumpulan tersebut.

Kassim, yang memegang peranan sebagai hero atau pun orang muda telah jatuh hati kepada Ainon Chik. Mereka berdua menjadikan Mak Minah sebagai orang tengah dan memintanya agar merahsiakan perhubungan mereka agar tidak diketahui orang. Ketika itu, Kassim sudah pun berumahtangga. Isterinya, Nancy Rozario merupakan kepala tari (ketua tarian) dalam kumpulan yang sama. Pun begitu, rahsia tersebut akhirnya terbongkar dan terjadilah pergaduhan yang tidak diingini.

Kassim yang mengetahui perkara itu bertindak liar lalu memukul Nancy dan menghantarnya pulang terus ke Singapura. Perhubungannya bersama Ainon Chik juga terputus. Fatimah memarahi anaknya kerana menjadi tali barut. Atas nasihat ibunya, Mak Minah memohon maaf kepada Nancy.



Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi: Ariffin sedang mengikut jejak kedua ibu bapanya.

Dari Mentok, kumpulan Wayang Zainol bertolak ke Palembang dengan menaiki kapal hampir tiga jam lamanya. Semasa membuat persembahan di Kampung Sekanak, 16 Hilir, Palembang, kumpulan ini mengalami petanda tidak baik. Di tengah keriuhan sorakan penonton, *drop seen* terputus secara tiba-tiba. Anak-anak wayang berpandangan sesama sendiri. Selang berapa lama kemudian, Wayang Zainol gulung tikar. Anak-anak bangsawan berpecah dan mencari haluan sendiri.

Mak Minah kemudiannya menyertai kumpulan *Royal Opera* yang dipimpin oleh Pak Rashid dan Mak Bibik. Dalam kumpulan ini juga, Mak Minah masih menjadi *chorus girl* dan penyanyi *extra turn*. Ketika itu, Kassim yang memegang watak sebagai orang muda dalam diam menaruh hati kepada Mak Minah. Namun tidak dilayan olehnya. Hatinya terpahat kukuh untuk Osman Ahmad.

Sewaktu membuat persembahan di Tanjung Karang, Palembang, kumpulan bangsawan mereka dikenakan ilmu hitam. Melihat persembahan mereka yang seringkali mendapat sambutan penonton, menimbulkan iri hati kepada penggiat seni yang lain. Selama seminggu, persembahan mereka langsung tidak mendapat sambutan. Anak-anak wayang mengeluh sesama sendiri. Ini bermakna mereka terputus wang perbelanjaan.Dalam tempoh itu, mereka hanya makan nasi berulamkan cabai patah bercampur kicap. Ada setengahnya terpaksa menggadaikan barangan harian seperti kain batik untuk menampung kehidupan. Duit hasil gadaian itu tadi akan dibelanjakan bukan hanya untuk diri sendiri, malahan berkongsi sesama teman. Begitulah keakraban antara anak wayang zaman dahulu. Susah senang dikongsi bersama. Untuk memulihkan semangat dan persembahan bangsawan, tauke mereka memanggilkan bomoh. Semua anak-anak wayang dimandikan air limau. Seminggu selepas itu, kumpulan tersebut berangkat ke Betawi.

Di Betawi, mereka mengadakan persembahan di Pasar Ciplak, Alhambra Teater iaitu sebuah panggung berprestij yang terkenal. Selama sebulan mengadakan persembahan, rombongan mereka menerima sambutan yang hebat daripada penonton. Cerita yang dipersembahkan ialah *Jula-Juli Bintang Tujuh*. Anak-anak wayang tempatan yang bekerja di Senin Sandiwara (Tonel) juga

sanggup bercuti dari membuat persembahan semata-mata untuk menonton bangsawan. Sri Panggungnya ketika itu ialah Miss Tinah Haji Dong dan Kassim memegang peranan sebagai 'orang muda'.

Menurut Mak Minah, sewaktu kumpulannya mempersembahkan tarian dalam 'babak Jin', mereka disorak peminat kerana berpakaian sayap. Ada yang ketawa terbahak-bahak melihat keanehan penari berpakaian sedemikian. Dengan muka merah padam, mereka terus menari tanpa mempedulikan ejekan tersebut.

Oleh kerana masyarakat setempat lebih menggemari tarian dari lakonan, tauke panggung Alhambra Teater, Syeikh Yahya menasihati Pak Rashid agar mengambil cerita-cerita tempatan. Pak Rashid dan Mak Bibik berusaha mendapatkan seorang guru tari untuk melatih anak buahnya. Akhirnya Pak Rashid berjaya mendapatkan khidmat penari dan penyanyi terkenal yang bekerja di Palestina Teater, Senin Park iaitu Miss Jakoba dan suaminya 'Pauluss'. Mereka adalah orang Menado yang mencari rezeki di Betawi.

Bersama Jakoba, Mak Minah berpeluang mempelajari nyanyian dan tarian barat. Menurut Mak Minah seawal 9.00 pagi, semua anak-anak wayang diwajibkan berada di atas pentas untuk memulakan latihan. Kakinya pernah terpelecok sewaktu menarikan tarian *Broadway Melodi*. Di antara tarian yang paling disukai Mak Minah ialah tarian *Charleston* kerana iramanya rancak iaitu mirip tarian *cha-cha*. Hasil ketekunan dan disiplin yang kuat, Mak Minah akhirnya berjaya menguasai keseluruhan seni tari tersebut.

Kelincahan Mak Minah di atas pentas begitu menghiburkan sehingga berjaya menarik minat seorang pemuda yang setiap malam menonton persembahannya. Pemuda itu ialah adik kepada tauke panggung Alhambra Teater. Beliau jatuh cinta dan mengajak Mak Minah berkahwin. Oleh kerana terlalu takut, Mak Minah tidak main bangsawan selama dua malam. Kassim yang mengetahui keadaan itu cepat-cepat meminta ibunya segera meminang Mak Minah.

Mak Minah yang sebelum itu tidak menyukai Kassim, secara tiba-tiba mengangguk setuju menerima lamarannya. Ditambah pula ibu Kassim dan Fatimah adalah kenalan baik ketika dalam bangsawan.

Pertunangan dilangsungkan di Betawi dan kemudian mereka balik ke Mentok untuk upacara perkahwinan di rumah bapa saudaranya Pak Haji Malik.

Dari Royal Opera, Mak Minah mencuba pula nasibnya di *Ribut Orient* yang dipimpin oleh Miss Ribut. Bersama kumpulan ini, Mak Minah berpeluang mempelajari tarian-tarian klasik Jawa dan Bali seperti Serimpi, Bedoyo, Ketoprak, Janggir, Legong dan Durga. Selain itu, Mak Minah juga banyak mempelajari teknik lakonan bangsawan daripada pelakon-pelakon *senior* yang terkenal iaitu Miss Ann, Carol, Sarah dan Sarthina.

Ketika mereka hendak berlepas dari Betawi ke Pagar Ruyong, Mak Minah ditahan oleh tentera Belanda kerana kain batiknya mempunyai cap kepala tanduk yang menyerupai lambang komunis. Miss Ribut tampil ke depan membela anak buahnya. Bersama kumpulan ini, Mak Minah berpeluang menjelajah ke seluruh Sumatera seperti Batu Sangkar, Pagar Ruyong, Padang, Padang Panjang, Sawalunto, Paya Kumboh, Pontianak, Pulau Bangka, Pulau Bali, Andalas dan seluruh Pulau Jawa. Di sana, masyarakat menggelar bangsawan sebagai *Tonel* (cerita yang mempamerkan lebih banyak aksi tarian). Semasa penjelajahan ini, Mak Minah belum lagi bergelar seorang Sri Panggung. Beliau masih seorang penari dan *chorus girls*. Manakala ibunya Fatimah, hanya menjaga kostum di belakang tabir.

Setelah hampir 10 tahun berada di rantau orang, Mak Minah kemudiannya kembali ke Malaya. Sejurus itu beliau memasuki kumpulan *Kiah Opera* dan *Grand Jubilee Opera* pada tahun 1941 sebelum penjajahan Jepun. Menurut Mak Minah, semasa menganggotai kumpulan itu, bermulalah hidupnya sebagai Sri Panggung. Ketika berusia 14 tahun, Mak Minah menjadi Sri Panggung dalam cerita *'Permata'* di Muar, Bandar Maharani. Namanya tersohor dan meniti di bibir para peminat. Setiap watak berjaya dihayati sehingga meninggalkan kesan yang mendalam kepada penonton. Apatah lagi Mak Minah dianugerahi rupa paras yang memikat. Beliau sering menjadi igauan dan buruan peminat-peminat lelaki. Walau pun dirinya digilai ramai, Mak Minah tidak pernah lupa dan sentiasa menjaga maruah diri. "Min, jangan sekali-



Aksi Mak Minah bersama suaminya dalam satu adegan bersilat.

sekali kau menconteng arang kepada keluarga", pesan ibunya berkali-kali.

Semasa menyertai kumpulan *Grand Nooran* pimpinan Pak Yem (Ibrahim Yaacob), Mak Minah benar-benar merasa puas hidup sebagai seorang Sri Panggung. Bersama kumpulan ini juga, beliau bertemu jodoh buat kali kedua dengan Allahyarham Mohd Alias Abdul Manan (Pak Alias), juga seorang pelakon bangsawan.

Pengarah sering memberikan kepercayaan kepadanya memegang watak-watak utama. Menurut Mak Minah apabila satu-satu peranan diberikan, beliau akan menghayati dan menjiwai dengan penuh perasaan. Sebagai contoh, dalam cerita Raden Mas, asalnya watak utama dipegang oleh Mak Menah Ketot. Oleh kerana Mak Menah Ketot keguguran, Pak Yem mengarahkan Mak Minah sebagai pengganti. Selama tiga malam persembahan Mak Minah mendapat pujian dan sambutan di luar jangkaan. Selepas itu, setiap kali mementaskan Raden Mas, pengarah tidak menoleh lagi kepada pelakon lain melainkan Mak Minah sahaja yang dilihatnya.

Pada tahun 1948, Mak Minah dan suaminya, Allahyarham Pak Alias mendirikan kumpulan bangsawan sendiri iaitu *Grand United Opera*. Bersama kumpulan ini, kedua-dua mereka mengadakan pementasan di seluruh Malaysia hingga ke Sarawak dan Brunei. Walau bagaimanapun, tidak lama selepas itu, Mak Minah dan suaminya meninggalkan kumpulan mereka sendiri dan menyertai Grand Nooran. Selama dua tahun bersama kumpulan tersebut, mereka sempat menjelajah hingga ke Utara Borneo. Sekembali ke tanah air pada tahun 1950, mereka mengikuti pula 'Wayang Tengku Ismail' sebelum menyertai *Dian Opera* di Bukit Mertajam di bawah pimpinan Mohammad Sookie.

Menurut Mak Minah, dahulu sebelum persembahan semua anak wayang berdebar-debar menunggu sambutan penonton. Mereka akan mengintai di balik tirai untuk mengetahui jumlah penonton yang hadir. Sekiranya jumlah penonton melimpah ruah, masing-masing akan mengurut dada gembira. Ini bererti mereka akan mendapat durian runtuh. Dahulu 'Sri Panggung' dan 'orang muda' akan menerima bayaran sebanyak $5.00 sahaja. Bayaran akan dipotong sekiranya



Bersama sahabat karibnya seniwati Noormadiah sewaktu di puncak populariti.

anak-anak wayang didapati masih berlegar-legar di luar pentas meski pun peranannya sudah tamat. Kebiasaannya 7.30 malam, semua anak-anak wayang sudah pun berada di pentas dan bersedia untuk memulakan persembahan.

Pada tahun 1954, bersama rakan seangkatannya, Thairuddin, Salamah Harun, Dollah, Pak Mahmud dan Pak Din, mereka bertolak ke Pakistan dengan FOC di Singapura kerana terpilih mewakili Malaya ke *Pakistan Arts Council International Festival of Dances and Music di Dacca* selama sebulan. Di Dacca, Mak Minah dan rakan-rakannya membuat persembahan tarian-tarian Melayu Asli dan nyanyian Dondang Sayang. Selama sebulan di Pakistan, Mak Minah sempat mempelajari tarian Pakistan *Chalti Dances* daripada Madam Hazuari.

Pada tahun 1957, Mak Minah dan suaminya mengambil keputusan menetap terus di Kampung Makam, Pulau Pinang memandangkan anak tunggal mereka, Ariffin baru memulakan alam persekolahan. Ditambah pula ketika itu bermulanya zaman kejatuhan bangsawan kerana persaingan televisyen dan industri filem. Walau pun kegiatan bangsawan kurang aktif, Mak Minah tidak putus asa. Sebaliknya beliau menggunakan kemahiran dan pengalamannya untuk mengajar tarian-tarian asli seperti zapin, mak inang, joget dan sebagainya di DTC (Day Training College), MTC (Malaysian Training College) dan beberapa buah sekolah di Pulau Pinang seperti St George Girls' School, Canyon Ray, Convent Light Street dan Han Chiang High School. Selain itu, beliau juga mengajar ilmu tari kepada individu yang berminat dengan menjadikan rumahnya sebagai lokasi latihan.

Pada tahun 1968, suaranya yang lemak merdu telah melayakkan beliau dinobatkan sebagai Naib Johan Dondang Sayang peringkat kawasan utara Pulau Pinang dalam pertandingan Bintang Radio.

Selepas kemerdekaan, bersama suaminya Allahyarham Pak Alias, mereka menubuhkan kumpulan bangsawan PERMAKADI (Perhubungan Masyarakat Kawasan D) di bawah naungan Encik Yusoff Ghouse. Pada tahun 1970, pasangan seni ini menubuhkan pula



Kak Menah ( Minah Ketot ) rakan seangkatan yang banyak membimbing Mak Minah.

kumpulan *Bangsawan Sri Timor* dan bertahan sehingga tahun 1978. Bersama kumpulan *Bangsawan Sri Timor* mereka telah diundang untuk membuat persembahan di Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar sempena Hari Keputeraan Sultan Perak selama 20 malam. Menurut Mak Minah, jemputan dari istana Perak merupakan penghargaan tertinggi kepada seluruh anak wayang yang menjadi kenangan manisnya sehingga kini.

Pada tahun 1978, Mak Minah dan suaminya dilantik sebagai jurulatih bangsawan di Pusat Seni, Universiti Sains Malaysia (USM) di bawah penyelarasan Dr. Ghulam Sarwar Yousof. Program Pemuliharaan Bangsawan ini bertujuan untuk melatih pelajar dan kakitangan USM mengenai seni bangsawan. Atas usaha gigih kesemua pihak, akhirnya kumpulan Sri Bangsawan USM berjaya ditubuhkan.

Pada tahun 1985 dan 1986, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan Bengkel Bangsawan di beberapa buah negeri seperti Perak, Melaka, Kedah, Perlis, Sarawak dan Pulau Pinang. Dalam program tersebut, Mak Minah dan Pak Alias dipertanggungjawabkan untuk membimbing generasi muda yang berminat tentang seni lakonan bangsawan. Melalui bengkel tersebut, Mak Minah mendapati ramai anak muda mempunyai minat dan berbakat besar dalam lakonan bangsawan. Sehubungan dengan itu, atas inisiatif pasangan seni ini, maka pada 28 Februari 1988, Persatuan Artis Bangsawan (PERAWAN) ditubuhkan bertujuan untuk memberi peluang kepada anak watan agar lebih terarah dan bergiat cergas dalam bangsawan. Melalui PERAWAN, beberapa nama baru muncul dan diharapkan bakal mewarisi perjuangan Mak Minah dan Pak Alias. Mereka ialah saudara Ali Rahman, Zuraidah Haji Ahmad dan Abd Rahman Roselee.

Sempena Pesta Pulau Pinang, Kerajaan Negeri turut memberi peluang kepada PERAWAN mengadakan persembahan bukan sahaja di tapak pesta malahan di serata tempat termasuk beberapa buah kampung di daerah Balik Pulau, Kepala Batas, Bukit Mertajam dan Nibong Tebal.



Bersama-sama Pak Alias dan Seniwati Normadiah semasa awal penglibatan sebagai anak wayang.



Bergambar kenang-kenangan dengan peminat selepas persembahan.



Bersama kawan rapatnya Seniwati Kasma Booty.

Kegigihan Mak Minah dan Pak Alias dalam memperkembangkan bangsawan terserlah apabila kumpulan PERAWAN dinobatkan sebagai juara Manifestasi Bangsawan ketika mementaskan Raden Mas di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur pada 24 Disember 1988. Pada tahun yang sama juga, Mak Minah dianugerahkan sebagai Tokoh Suara Terbaik Pulau Pinang dan Tokoh Kegiatan Seni Suara dan Bangsawan oleh Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG). Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Pada 20 Disember 1989, kumpulan PERAWAN telah menerima anugerah Piala Harapan sewaktu menyertai Manifestasi Bangsawan yang juga diadakan di DBP dengan judul cerita Bunga Bakawali.

Sempena Tahun Konvensyen Pulau Pinang dan program Tahun Melawat Malaysia 1990, PERAWAN tidak ketinggalan turut terlibat dalam beberapa buah persembahan bangsawan di seluruh Pulau Pinang. Penglibatan Mak Minah dan Pak Alias yang lama dalam bangsawan turut mendapat perhatian dari stesen swasta TV3. Mereka dijemput membintangi drama 'Sri Panggung' terbitan stesen tersebut. Khidmat bakti Mak Minah dan suaminya terserlah lagi apabila menerima undangan menyertai Manifestasi Bangsawan 1990 sempena Pesta Kesenian Negeri Kedah. Dalam Pekan Teater Peringkat Negeri, Pulau Pinang 1991, Mak Minah dan Pak Alias bertindak sebagai penasihat kepada kumpulan PERAWAN.

Sejak tertubuhnya Sri Bangsawan USM dan PERAWAN, banyak persembahan produksi bangsawan di bawah pimpinan mereka dipersembahkan. Berikut adalah antara beberapa buah persembahan yang diadakan ketika Mak Minah bersama Bangsawan Sri USM dan PERAWAN antara tahun 1989 - 1992.

**1. LAKSAMANA BENTAN**

Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 23 April 1989 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | KOMTAR, Pulau Pinang |

Sempena Tahun Melawat Malaysia.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 20 Januari 1990 |
| Masa | : | 8.30 malam |



Mengabadikan kenangan bersama suami dan rakan-rakan sebelum bertolak ke destanasi persembahan.

| | | |
|---|---|---|
| Tempat | : | Sekolah Sri Tasik, Simpang Empat Tasik, Seberang Perai Selatan |

**2. RADEN MAS**

Sempena Tahun Konvensyen Pulau Pinang.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 1 Julai 1989 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Dewan Penaga, Seberang Perai<br>Sempena Pesta Konvo di Panggung Sasaran, USM , Pulau Pinang |

Sempena Manifestasi Bangsawan.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 24 Disember 1989 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Panggung Sasaran, USM , Pulau Pinang |

**3. MEGAT ALANG**

Sempena Pesta Konvo, USM.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 6 Ogos 1989 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Panggung Sasaran, USM , Pulau Pinang |

Sempena Tahun Konvensyen Pulau Pinang

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 1989 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Kota Konwalis, Pulau Pinang |

**4. BUNGA BAKAWALI**

Sempena raptai Manifestasi Bangsawan.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 1989 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Panggung Sasaran, USM , Pulau Pinang |

Sempena Manifestasi Bangsawan

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 20 Disember 1989 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Balai Budaya, DBP, Kuala Lumpur |



Aksinya manis dan amat memikat.

**5. LAKSAMANA MATI DIBUNUH**

Sempena Tahun Melawat Malaysia.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 17 Mac 1990 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Dewan Serbaguna, Merbau Kudong Sungai Dua, Seberang Perai |

**6. MAHSURI**

Sempena Tahun Melawat Malaysia.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 26 Mei 1990 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Balai Budaya, Kampung Seronok Bayan Lepas, Pulau Pinang |

**7. PUTERI GUNUNG LEDANG**

Sempena Tahun Melawat Malaysia.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 23 Jun 1990 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Sekolah Kebangsaan Alma, Bukit Mertajam |
| Tarikh | : | 31 Ogos 1990 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Pentas Terbuka, Kota Conwalis Padang Kota Lama, Pulau Pinang |

**8. MEGAT TERAWES**

Sempena Pesta Kesenian Negeri Kedah.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 17 – 20 November 1990 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Gelanggang Budaya, Alor Setar Kedah, Darulaman |
| Tarikh | : | 16 Disember 1990 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Panggung Sasaran, USM , Pulau Pinang |

**9. ANAK NAZAR TUJUH KERAMAT**

Sempena Pertandingan Pekan Teater Peringkat Negeri.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | September 1991 |
| Masa | : | 5.00 petang |
| Tempat | : | Panggung Sasaran, USM , Pulau Pinang |



Berjoget bersama Tan Sri Tan Cheng Lock.

**10. TENGKU SULONG**

Sempena Harijadi TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 23 Ogos 1992 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Dewan Sri , Pulau Pinang |
| Tarikh | : | 9 September 1992 |
| Masa | : | 8.30 malam |
| Tempat | : | Panggung Sasaran, USM , Pulau Pinang |

Selain Pulau Pinang, Mak Minah dan Pak Alias juga diberi kepercayaan sebagai fasilitator dalam kursus intensif bangsawan anjuran Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sarawak. Kursus yang berlangsung mulai 15 - 24 Disember 1985 diadakan di Taman Seni Budaya, Tepian Gelanggang Negeri Sarawak bertujuan untuk mendedah dan melengkapkan peserta-peserta dengan pengetahuan mengenai semua aspek pelaksanaan bangsawan seperti lakonan, perwatakan, bahasa, pertuturan, muzik, nyanyian dan sebagainya.

Pada tahun 1992, Mak Minah dan Pak Alias sekali lagi diundang khas oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebagai jurulatih dalam Bengkel Bangsawan kelolaan Dr. Zainal Latiff. Keseronokan untuk menyebar ilmu tersekat, apabila Pak Alias tiba-tiba diserang sakit jantung lalu meninggal dunia di Hospital Besar, Sarawak pada 11 November 1992, jam 5.00 pagi di sisi isterinya Mak Minah. Kehilangan suami tersayang begitu dirasai. Mak Minah hampir hilang arah. Pun begitu, semangatnya kembali pulih apabila banyak menerima sokongan daripada anaknya, Mohd Ariffin dan anak-anak PERAWAN yang lain.

Menurut Mak Minah, Pak Alias bukan sahaja sebagai suami, malahan sebagai 'guru agamanya'. Semenjak berkahwin dengan Pak Alias, beliau banyak membimbing Mak Minah dalam soal-soal agama terutamanya mengenai ibadat sembahyang dan mengaji Quran.

Bersama suaminya, mereka sempat juga mencipta beberapa buah skrip baru antaranya Teruna Kampung, Dua Puluh Lima Tahun Dalam Rahsia, Antara Dua Hati, Siapa Salah, Penderitaanku dan Airmata Ibu.

Kecintaan Mak Minah kepada dunia seni tidak dapat dipisahkan. Ketiadaan suami bukanlah penghalang untuk beliau terus bergerak cergas. Pada tahun 1994, dalam usia yang agak lanjut iaitu 75 tahun, Mak Minah menerima tawaran dari Penang Cultural Centre (PCC) sebagai penasihat dan jurulatih tarian untuk persembahan tarian-tarian tradisional. Dengan bertemankan anaknya Ariffin, Mak Minah sanggup turun naik bas dua kali untuk sampai ke PCC Teluk Bahang yang jaraknya 30 kilometer dari rumahnya. Menjelang dinihari, baru Mak Minah sampai ke rumah. Pun begitu, Mak Minah tidak pernah merungut sebaliknya tersenyum puas kerana hasratnya untuk melihat tarian-tarian tradisional dimartabatkan akhirnya terlaksana jua. Begitulah rutin hidupnya selama empat tahun di PCC.

Pada Ogos 1998, beliau dijemput ke Singapura selama dua minggu oleh Kumpulan Teater KAMI sebagai pakar rujuk untuk persembahan bangsawan 'Pentas Opera'. Kesempatan itu juga memberi peluang kepada Mak Minah melawat kembali beberapa tempat yang menjadi kenangan kepadanya. Dengan linangan air mata, Mak Minah berkata, beliau terharu melihat anak-anak muda Singapura yang gigih berlatih bermain bangsawan. Situasi itu amat menyentuh hatinya kerana mengingati zaman jatuh bangun beliau dalam dunia bangsawan.

Selain itu, Pejabat Kebudayaan dan Keseniaan Negeri Pulau Pinang turut menggunakan kepakaran Mak Minah dengan melantiknya sebagai pakar rujuk terutamanya dalam bidang bangsawan selama dua tahun mulai 1998 hingga 2000. Banyak rahsia dan pengalaman dikongsi bersama. Mak Minah juga menerima penghargaan dan pengiktirafan sebagai tokoh bangsawan dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang dalam satu majlis yang diadakan pada bulan November 1999.



Mak Minah semasa mewakili Malaya ke *Festival Of Dances and Music* di Dacca.

## BAB 3

## CERITA BANGSAWAN

Menurut Mak Minah, sebelum mementaskan sesuatu persembahan bangsawan, pengarah dan tauke akan meneliti dua faktor berikut iaitu citarasa penonton dan majoriti sesuatu kaum yang mendiami kawasana tersebut. Tidak semua cerita-cerita yang disukai pengarah digemari oleh penonton. Dengan kata lain, cerita-cerita yang dipersembahkan bukan dipilih secara rambang atau sembarangan. Citarasa penonton diketahui melalui pengalaman di tempat tersebut melalui maklum balas yang diterima daripada penonton.

Mengikut pengalaman Mak Minah, cerita-cerita yang memakan masa lebih dari satu malam dan cerita-cerita jenaka seperti Siti Zubaidah, Panji Semerang, Gunung Sari, Raden Mas, Mahsuri, Panglima Hitam amat diminati oleh penduduk-penduduk di Kedah. Ada daripada kalangan penonton yang membawa buku hikayat untuk membandingkan kesahihan cerita yang dilakonkan oleh anak-anak bangsawan dahulu. Cerita Bakhtum Bakhtim dan cerita-cerita moden misalnya kurang digemari penduduk-penduduk di Kedah.

Manakala di Pulau Pinang, cerita-cerita dari India, popular kerana kebanyakan penduduknya terdiri daripada masyarakat keturunan Jawi Peranakan. Cerita-cerita seperti Cintamani, Gul Bakawali, Roman Ki Roba, Indera Sabah dan Ali Chandran amat digemari mereka. Cerita-cerita Melayu berunsur tempatan pula seperti Dandan Setia, Hang Tuah, Sultan Mahmud Mangkat Di Julang dan Laksamana Bentan begitu popular di Melaka.

Sepanjang bulan puasa, cerita-cerita berbentuk keislaman dipersembahkan. Kebiasaannya, cerita seperti Bustamam menjadi pilihan kumpulan bangsawan kerana cerita tersebut memakan masa yang panjang iaitu selama tiga puluh malam. Walau pun sibuk berlakon, mereka masih mengerjakan solat terawih, sekiranya mempunyai masa terluang.

Menurut Mak Minah lagi, ada juga perubahan mendadak dibuat dalam pemilihan cerita. Kisah ini berlaku sewaktu beliau di



Mengajar latihan tarian bangsawan kepada pelajar-pelajar.



Bersama ahli kumpulan bergambar kenangan selepas persembahan.



Bersama pelatih-pelatih di Pulau Pinang.

Kuantan, Pahang di mana kumpulan mereka telah bersiap sedia untuk mementaskan cerita Yatim Mustapha. Walau bagaimanapun, terpaksa ditukarkan kepada cerita 'Hashim Hasimah'. Keadaan ini berlaku disebabkan arahan daripada Tengku Ampuan Hashimah. Oleh kerana arahan ini datangnya daripada Sultanah Pahang, kumpulan mereka terpaksa akur kepada arahan tersebut. Di sinilah letaknya kepakaran dan kebijaksanaan pelakon bangsawan dahulu.

Sementara di Terengganu setiap kumpulan bebas mementaskan apa jua cerita Melayu dengan syarat ia tidak mendedahkan sama sekali kezaliman raja atau keburukan istana. Arahan ini dikeluarkan oleh orang kanan sultan iaitu Datuk Amar Diraja. Sekiranya arahan ini dilanggar boleh menyebabkan kelulusan lesen dan persembahan ditarik balik. Oleh yang demikian, yang dipaparkan hanya menampakkan kebaikan sultan dan raja sahaja. Tambah Mak Minah lagi, arahan ini bertujuan agar rakyat tidak terpengaruh dan membenci sultan dan raja yang memerintah.



Bergambar kenangan bersama A.R. Badul, Sharifah Aini dan suami tercinta, Pak Alias.



Memberi tunjuk ajar semasa sesi latihan bangsawan.

## BAB 4

## LATIHAN LAKONAN

Kejayaan sesebuah produksi bangsawan terletak kepada tahap lakonan pelakonnya. Walaupun terdapat elemen lain seperti kostum, set, latar-hias, muzik, tari dan lagu, kekaguman sebagai agen pembantu terhadap produksi, namun pelakon dan lakonannya mendasari segala-galanya. Menurut Mak Minah, setiap pelakon sebelum dipilih oleh pengarah akan melalui proses latihan melalui sesi latih-pandang. Sewaktu persembahan, pelakon berkenaan akan duduk di sudut pentas sambil melihat pelakon-pelakon yang sudah *established* berlakon. Melalui sesi latih-pandang ini, mereka akan meneliti dan mempelajari bagaimana pelakon itu berlakon, beraksi, berdialog dan bergerak secara keseluruhannya.

Mereka hanya akan meneliti, mengkaji dan mempelajari terhadap seseorang watak pilihan mereka. Kalau beliau ingin jadi pengawal atau dayang, watak-watak tersebut akan diberi tumpuan. Sesi latih-pandang ini memakan masa berbulan-bulan lamanya. Setelah pengarah berpuas hati, beliau akan diberi peluang membawa watak tersebut. Sebagai permulaan watak yang diberikan pengarah selalunya watak-watak kurang penting. Sekiranya pengarah berpuas hati dan mendapati beliau seorang yang berbakat serta berpotensi, beliau (pelakon) berpeluang memegang watak berkenaan pada malam berikutnya. Sekiranya pelakon itu mempunyai ciri-ciri seorang wira atau wirawati, peluang untuknya memegang watak itu adalah cerah.

Menceritakan pengalamannya sewaktu terpilih memakai peranan utama dalam cerita 'Nur Ee-Islam', Mak Minah mengamati bagaimanakah watak yang dibawa sebelumnya oleh Thairuddin dan Mak Tijah. Seawal 8.00 pagi beliau sudah berada di pentas untuk mempelajari nyanyian dan tarian hindustan. Guru yang mengajar beliau bernama Abdullah berasal dari India. Tidak sampai seminggu, Mak Minah sudah dapat menghafal dan menyanyi lagu hindustan dengan lancarnya. Menurut Mak Minah lagi, beliau berlatih tidak mengira tempat hatta di bilik mandi sekali pun sekiranya terluang.

Menurut Mak Minah lagi, anak-anak wayang dahulu begitu menghormati pengarah. Ketika pengarah memanggil mereka untuk membincangkan peranan masing-masing, semua anak-anak wayang akan bentangkan tikar atau suratkhabar bersila di bawah sebagai tanda merendah diri. Di atas sebuah papan hitam, pengarah akan mencatatkan senarai nama-nama pelakon dan watak-watak yang akan dilakonkan oleh mereka. Setiap orang yang dipilih memegang peranan tertentu tidak pernah menolak, sebaliknya mempersiapkan diri untuk persembahan.

Latihan biasanya diadakan selepas waktu makan tengahari atau selepas sembahyang zohor. Tempat latihan selalunya di atas panggung sebenarnya. Pintu-pintu masuk ke panggung ditutup dan orang luar tidak dibenarkan masuk. Semua artis yang terlibat perlu hadir dan mengambil tempat masing-masing. Sekiranya ada pelakon tidak hadir tanpa alasan yang munasabah, pengarah akan memaklumkan kepada tauke. Tauke akan memberi amaran sebanyak tiga kali sebelum gajinya dipotong.

Menurut Mak Minah lagi, walau pun latihan tidak diadakan selalu atau diwajibkan, ia bergantung kepada jalan cerita yang dipersembahkan. Sekiranya cerita yang bakal dipersembahkan itu cerita berat seperti Panji Semerang atau Siti Zubaidah, ia memakan masa yang lebih lama. Untuk cerita-cerita ringan latihan diadakan tidak serapi dan seteliti cerita-cerita berat. Pun begitu, ada juga cerita-cerita yang tidak memerlukan latihan langsung sekiranya ceritanya dimainkan selalu. Mengikut pengalaman Mak Minah pengarah akan mengumpul artisnya dan memberitahu tajuk serta memberi watak kepada pelakonnya tanpa sebarang latihan.

Menurut Mak Minah lagi, pelakon akan membawa watak yang diberikan oleh pengarah dengan rasa tanggungjawab dan menanganinya dengan bersungguh-sungguh. Kesungguhan perlu kerana pelakon-pelakon bangsawan adalah pelakon-pelakon profesional. Berjaya atau gagalnya persembahan, mereka menentukan sambutan penonton terhadapnya. Sekiranya pelakon dapat menonjolkan tahap keyakinannya melalui kesungguhan lakonan mereka, jaminan hidup mereka akan lebih terjamin. Setiap pelakon sedaya upaya mungkin akan cuba menghasilkan mutu lakonan yang

benar-benar memukau dan merangsangkan emosi penonton. Penonton akan merasa sedih, benci, sayang, cemas, risau, takut dan sebagainya berdasarkan cetusan-cetusan emosi yang dijiwai oleh pelakon. Tindak balas spontan yang diberikan oleh penonton secara tidak langsungnya akan menimbulkan kepuasan dalam lakonan.

Selain itu, menurut Mak Minah, terdapat juga amalan saingan sesama pelakon bertujuan untuk menunjukkan kehebatan masing-masing kepada penonton. Amalan ini dikenali sebagai 'siapa makan siapa'. Sudah menjadi kebiasaan di kalangan pelakon bangsawan bersikap 'siapa makan siapa' khasnya di kalangan pelakon utama, orang muda dan Sri Panggung. Maksudnya, pelakon akan mencari peluang untuk menewaskan teman lakonnya dengan tujuan menunjukkan kepada penonton bahawa beliau lebih baik, lebih hebat daripada pelakon yang dimakannya. Kejayaan 'memakan kawannya menjadikannya lebih baik dan popular di kalangan penonton. Walau bagaimanapun amalan ini kurang sihat dan menimbulkan dendam sesama mereka. Akibatnya pelakon-pelakon yang berkenaan akan bermasam muka sepanjang kariernya dalam kumpulan itu. Malah yang lebih buruk, ada yang mengambil tindakan drastik seperti tindak balas secara halus iaitu mengenakan ilmu hitam.

Selain bapanya Wak Nani, Hussin Serani, Kakek Suradi, Ahmad Kerinting dan Mamak Tambisah adalah beberapa nama pengarah yang pernah membimbing Mak Minah sebagai seorang 'Sri Panggung'. Cerita-cerita seperti Siti Zubaidah, Raden Mas dan Panji Semerang adalah antara cerita yang menjulang nama Mak Minah di persada dunia bangsawan.

Tambah Mak Minah, memang rumit untuk digelar 'orang muda' atau 'Sri Panggung'. Sekadar mempunyai bakat berlakon masih belum mencukupi untuk menerajui peranan utama. Di samping mempunyai bakat lakonan, orang muda atau Sri Panggung perlu dan mampu menyanyi, cekap berpantun atau bernasib, melakukan adegan lasak, bersilat atau berpedang di samping rupa paras yang cantik dan kacak. Mak Minah sendiri handal bermain tembong dan bersilat. Sekiranya syarat-syarat di atas dipenuhi, peluang untuk menerajui peranan orang muda dan Sri Panggung pertama adalah cerah.

## BAB 5

## NYANYIAN DAN TARIAN

Untuk menjadi seorang Sri Panggung atau orang muda, seseorang itu perlulah mempunyai pelbagai kebolehan selain bakat lakonan. Kelunakan suara Mak Minah menjadikan setiap lagu yang didendangkannya memukau pendengar. Tidak hairanlah kerana arwah ibunya dahulu seorang penyanyi bangsawan yang tersohor. Pada tahun 1942, sewaktu beliau membuat persembahan di Seremban, Bang Zubir seorang pengubah lagu telah tertarik dengan suara Mak Minah. Setelah persetujuan dicapai, Mak Minah dibawa ke Singapura untuk merakamkan suara ke piring hitam. Album pertamanya menerima sambutan hebat dan mendapat tempat di hati peminat dengan lagu hitnya *Bahasa* berentak tenggo.

Selain itu, beliau juga mempunyai kemahiran menyanyikan lagu-lagu Melayu tradisional seperti lagu Melayu Asli, Dondang Sayang dan Keroncong. Hasil didikan di pentas bangsawan, Mak Minah juga dapat menyanyikan lagu-lagu pelbagai bahasa dengan begitu baik sekali seperti lagu Jepun, Hindustan, Inggeris dan Thailand. Pada tahun 1968, beliau berjaya mendapat gelaran Naib Johan Dondang Sayang Peringkat Kawasan Utara Negeri Pulau Pinang dalam pertandingan Bintang Radio.

Mak Minah juga kerap kali diundang untuk menyanyi dalam beberapa program yang melibatkan orang-orang kenamaan anjuran Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Pulau Pinang. Pemimpin yang kerap kali mengundang Mak Minah untuk menyanyi ketika berkunjung ke Pulau Mutiara ialah Almarhum Tunku Abdul Rahman. Beliau sering meminta Mak Minah menyanyikan lagu kegemarannya *Bunga Tanjung*.

Kehidupannya sebagai anak wayang ketika menjelajah seluruh Pulau Jawa telah mendedahkan beliau dengan pelbagai jenis tarian . Antara tarian-tarian yang dipelajari dan dikuasai selain tarian tradisional Melayu Asli ialah tarian-tarian tradisional Jawa dan Bali seperti tarian Serimpi, Bedoyo, Ketoprak, Janggir, Legong dan Durga.

Minat yang mendalam mendorong beliau menubuhkan kumpulan tarian 'PERMAKADI' (Perhubungan Masyarakat Kawasan D) untuk melatih generasi muda yang berminat menceburi bidang tarian. Tarian-tarian ciptaan Mak Minah juga mengikut aliran sezaman. Contohnya dalam satu karya ciptaannya terdapat gabungan jenis tarian tradisional seperti Asli, Zapin dan Joget. Jika dulu tarian tradisi menggunakan *floor pattern symmertrical*, Mak Minah kini memecahkannya kepada *floor pattern assymmetrical* iaitu kepada corak bentuk yang menarik sama ada dua baris dan menghadap kepada arah yang lain.

Pada tahun 1994, Mak Minah dilantik sebagai penasihat dan jurulatih tarian di Penang Cultural Centre (PCC) Teluk Bahang, Pulau Pinang dan mengajar beberapa tarian seperti Joget, Dondang Sayang, Inang dan tarian Jawa. Tahun yang sama juga Mak Minah menyertai 'Festival Tari Kebangsaan' (FTK) anjuran Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia sebagai penasihat tari dan penyanyi dondang sayang.

Pada bulan April 2000, Mak Minah menerima undangan daripada Kerajaan Negeri sempena Pesta Makanan Jepun 'Bon Odori' yang berlangsung di Padang Kota Lama, Pulau Pinang. Dalam majlis itu, Mak Minah menyanyikan lagu-lagu Jepun bersama tokoh boria Encik Abu Bakar Jaafar juga kenalan lama beliau dalam arena seni. Penampilannya mendapat perhatian dan sanjungan daripada orang-orang Jepun kerana usianya ketika itu sudah melewati lapan puluh tahun.

Sekiranya di barat, sudah pasti Mak Minah mendapat anugerah tertinggi dan segala macam kemewahan. Sewaktu menerima tepukan, Mak Minah begitu terharu. Jelas kelihatan manik-manik jernih membasahi pipinya. Apa yang menakjubkan, Mak Minah masih mampu menyanyi dan menghafal senikata lagu biarpun sudah lanjut usia. Keistimewaan ini sesungguhnya merupakan anugerah yang tiada pada orang lain.Kecemerlangan dan pengabdian yang lama dalam dunia seni telah melayakkan beliau menerima Pingat Jasa Kebaktian Masyarakat (PJM) oleh TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang pada tahun 80-an.

Pada tahun 1999, beliau telah dicalonkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang dalam Anugerah Seni Negara anjuran Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Walau tidak memenanginya, Mak Minah langsung tidak menunjukkan patah semangat atau berputus asa. Seperti katanya "perjuangan Mak ikhlas..."

## BAB 6

## SOLEKAN

Sebagaimana artis-artis sekarang, pelakon bangsawan juga sentiasa menjaga penampilan diri dengan solekan yang menawan. Menurut Mak Minah, biarpun di zaman lakonannya dahulu mereka tidak mempunyai jenama solekan sebagaimana yang ada sekarang, bagi tujuan solekan muka, Mak Minah menggunakan 'bedak sienqueen' cap loceng. Bedak tersebut mempunyai pelbagai warna. Selain tujuan solekan bedak sienqueen juga digunakan untuk mengecat tirai. Untuk menghasilkan alas bedak (foundation) satu cawan bedak sienqueen diambil lalu direndam bersama air hujan selama lima belas hingga sebulan lamanya. Selepas itu, ia dimasak dan disimpan dalam botol 'toplaste'.

Bagi menghasilkan pemerah pipi dan gincu bibir pula, bedak sienqueen dicampurkan dengan bedak Jepun cap nyonya dua. Ada juga yang mengambil kertas cat merah untuk dijadikan pemerah bibir.

Adalah menjadi kebiasaan anak wayang, sebelum tirai diangkat untuk persembahan, tiga jenis bunga pelbagai warna (berjampi) air dan kelapa diletakkan di atas pentas. Anak wayang yang masih dara dan teruna dipanggil untuk memanting kelapa yang disediakan. Selepas itu, kelapa tersebut dijemur dan dibakar bertujuan untuk membentuk alis kening.

Untuk mendapatkan bulu mata yang melentik dan panjang, caranya mancis api (dihujungnya ditaruh pewarna hitam) dilayurkan di atas lilin dan kemudiannya diletakkan di atas bulu mata dan ditarik ke atas dengan cepat. Menurut Mak Minah hasilnya bulu mata melentik panjang dan cantik. Cuma yang payahnya sewaktu hendak mencabutnya kembali, sampaikan air mata pun meleleh. Terlalu sakit.

Selepas mengenakan alat solek, Mak Minah akan membaca sepotong 'doa ' sebelum melangkah ke pentas. Ia bertujuan sebagai pemanis muka dan untuk memerdukan suara. Mak Minah mengamalkannya semenjak berusia 18 tahun. Menurut Mak Minah, selepas 60 tahun mengamalkannya, ia harus diturunkan kepada mereka

yang berminat. Doa tersebut dibaca dan dihembus di dalam segelas air lalu diminum. Doanya adalah seperti berikut:

*Allahommalikum diri Nabi Allah Daud*
*Pohonkan aku suara Nabi Allah Daud*
*Mukaku seperti Nabi Allah Yusoff*
*Sehati sang segala muka manusia*
*Ombak berpalu lagikan redap*
*Gila mendengar suara aku dan melihat rupaku*
*Air hilir balik ke mudik*
*Gila mendengar suaraku dan melihat rupaku*
*Burung terbang lagikan berhenti*
*Mendengarkan suara aku dan melihat rupaku*
*Suaraku seperti halilintar*
*Mukaku seperti Nabi Allah Yusoff*
*Dengan berkat doa LA ILLA HA ILLALLAH*

Pesan Mak Minah lagi, mereka yang ingin mengamalkannya hendaklah mempunyai hati yang benar-benar ikhlas kerana dikhuatiri akan mendapat 'padah' (malapetaka).

Menurut Mak Minah lagi, 'sri panggung' diwajibkan mempunyai rambut yang panjang agar senang dibuat sanggul atau sebarang fesyen yang sesuai. Biasanya rambut di bahagian hadapan dipotong sama dan mesti mempunyai 'poni' (jambul). Manakala rambut di bahagian belakang dibiarkan panjang. Untuk menampakkan rambut yang bergulung dan berombak, setiap pagi mereka akan menyalakan lilin dan membakar pin rambut lalu kemudiannya dililit di bahagian tertentu di rambut.

## BAB 7

## MAK MINAH DALAM KENANGAN

Kali terakhir Mak Minah beraksi sewaktu menerima jemputan menyanyi sempena Festival Makanan Jepun 'Bon Ondori' di Padang Kota Lama, Pulau Pinang pada bulan Julau 2000. Mak Minah menerima tepukan gemuruh daripada seramai seribu penonton yang membanjiri padang tersebut. Rata-rata kagum melihat kefasihan Mak Minah menyanyikan lagu-lagu negara matahari terbit itu.

Pada bulan September 2000, Mak Minah dilantik sebagai penasihat untuk sebuah pementasan bangsawan 'Laksamana Mati Dibunuh' yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah di bawah program pemuliharaan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang.

Sebulan selepas itu, pada hari Jumaat 13 Oktober 2000, Mak Minah secara tiba-tiba diserang angin ahmar. Menurut Ariffin ( anak Mak Minah) pagi itu ibunya kepingin untuk makan 'roti canai'. Selepas sarapan, Mak Minah menonton televisyen. Kemudiannya beliau secara tiba-tiba tidak boleh bangun berdiri. Melihat dirinya yang terhoyong-hayang, menantunya Kak Yati segera memegangnya dan membaringkan di atas katil. Tak lama selepas itu, suara Mak Minah juga turut bertukar. Beliau sudah tidak dapat bertutur dengan baik.

Atas bantuan jirannya, beliau dihantar ke Hospital Besar, Pulau Pinang dan menginap selama seminggu di sana. Kemudiannya, Ariffin membawa ibunya menerima rawatan tradisional di Sepang, Selangor. Selama dua minggu di sana, kesihatan Mak Minah beransur baik. Ariffin gembira melihat perubahan ibunya. Pada 4 November 2000 (Sabtu), Mak Minah mengajak anaknya balik ke rumahnya di Kampung Makam, Pulau Pinang.

Pun begitu, pada tanggal 7 November 2000, 12.30 pagi, Mak Minah menghembuskan nafasnya yang terakhir di sisi anak menantunya.di Kampung Makam, Pulau Pinang. Jenazah Mak Minah kemudiannya dibawa balik dan disempurnakan di kawasan perkuburan Pasir Putih, Kelumpang, Ulu Selangor berhampiran kubur

Allahyarham suaminya pada jam 3.30 petang. Itulah ketentuan Allah setiap yang hidup pasti akan menemui ajalnya. Kehilangan Mak Minah amat dirasai terutamanya oleh penggiat seni. Mudah-mudahan Mak Minah ditempatkan bersama golongan mereka yang beriman. Amin…Al-Fatihah.

## BAB 8

## PANTUN KASIH

1. Tinggi-tinggi si matahari,
   Anak kerbau mati tertambat;
   Sudah lama saya mencari,
   Baru sekarang saya mendapat.

2. Tarik benang di pagi hari,
   Kain songket jangan dilipat;
   Benda yang hilang mana nak cari,
   Seratus tahun mungkin tak dapat.

3. Buah padi selasih dulang,
   Saya tumpang ke Jawa saja;
   Buah hati kekasih orang,
   Saya tumpang ketawa saja.

4. Jangan suka tanam selasih,
   Takut kena rumput berduri;
   Jangan suka bermain kasih,
   Buat merana diri sendiri.

5. Kalau suka tanam pandan,
   Tanam ia jarang-jarang;
   Apa nasib untungnya badan,
   Kasih di tangan dirampas orang.

6. Kalau sudah tanam selasih,
   Daun keladi saya buangkan;
   Kalau sudah saya berkasih,
   Apa terjadi saya elakkan.

7. Gulung benang di tepi kota,
   Muatan mari atas perahu;
   Memang senang kalau berkata,
   Sudah kena barulah tahu.

8. Baik-baik makan selasih,
Kalau makan bersama-sama;
Kalau sudah hatiku berkasih,
Apa yang datang saya terima.

9. Kalau tuan tanam selasih,
Mari tanam di tepi kota;
Apa adat orang berkasih,
Apa sayang apa cinta.

10. Baik-baik naik perahu,
Jangan bawa kayu pedati;
Dengar awak saya beritahu,
Cinta di mulut kasih di hati.

11. Baik-baik mengayak nyiru,
Nyiru diayak di atas rakit;
Jangan suka menanggung rindu,
Rindu ditanggung jadi penyakit.

12. Kalau saya mengayak nyiru,
Jangan terkena hujung pedati;
Bukan saya menanggung rindu,
Awak yang buat terimalah di hati.

13. Baik-baik tepung diuli,
Bawa mari pagi hari;
Rindu tak rindu apa peduli,
Saya yang buat tanggung sendiri.

14. Tanam selasih kena penyengat,
Ubat dia di batu karang;
Orang berkasih baik beringat,
Banyak terjadi di zaman sekarang.

15. Redap-redap disangka pulau,
Jong siam hilir berakit;
Rindu dendam bawa bergurau,
Duduk diam jadi penyakit.

16. Hijau-hijau burung serindit,
  Makan jambu air mawar;
Seratus tahun hujan di langit,
  Air di laut bilakan tawar.

17. Nyiur gading puncak mahligai,
  Sayang ketupat berisi inti;
Hancur daging tulang berkecai,
  Belum dapat belum berhenti.

18. Pulau Pandan jauh ke tengah,
  Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
  Kasih yang baik kuterima juga.

19. Kalau pandai tanam selasih,
  Tolong tanam di rumah Salma;
Kalau tak pandai hendak berkasih,
  Lebih baik jangan terima.

20. Baik-baik mengetuk batu,
  Jangan dilempar di kedai Cina;
Janganlah dinda cakap begitu,
  Kekanda jangan dipandang hina.

21. Kalau pergi rumah pengeran,
  Kirimkan saya selendang mayang;
Jangan kanda berasa hairan,
  Ini menunjuk kasih dan sayang.

22. Baik-baik menebang jati,
  Kita bawa sayur keladi;
Kalau adinda bersungguh hati,
  Mari pergi rumah tok kadi.

23. Sakit kakiku duri tersepak,
  Kena terlanggar pokok delima;
Ini nasihat emak dan bapak,
  Kita jalan secara agama

24. Kalau terlanggar pokok delima,
Jangan salahkan si pokok bali;
Kalau sudah syarat dalam agama,
Mengadap ibu bapak menjadi wali.

25. Kalau makan buah berangan,
Kalau ditimbang sangat berat;
Boleh berjalan berpimpin tangan,
Tetapi kanda nak kena syarat.

26. Kalau ditimbang sama berat,
Baik disimpan di dalam huma;
Adinda beri apa syarat,
Jahat baik kanda terima.

27. Jangan duduk bermain baja,
Angkat mari dalam perahu;
Jangan kata di mulut saja,
Hati di dalam siapa yang tahu.

28. Terang bulan terang cahaya,
Terang sampai ke Negeri Parsi;
Kalau adinda kurang percaya,
Belahlah dada tengoklah isi.

29. Cuci kain taruh nila,
Taruh mari di atas peti;
Kanda berkata semacam gila,
Belah dada kanda yang mati.

30. Jangan berjalan ke sini ke situ,
Mari singgah rumah Cik Siti;
Kalau dinda kata begitu,
Terimalah cintaku di dalam hati.

31. Baik-baik mengambil umbut,
Bawa jual di Tanjung Puan;
Kalau bercinta berkata lembut,
Barulah senang hati perempuan.

32. Jangan disangka orang mualaf,
 Pandai juga bahasa kita;
Saya minta ampun dan maaf,
 Tolong terima perkataan cinta.

33. Baik-baik pergi ke hulu,
 Bawakan saya ikan siakap;
Baik-baik fikir dahulu,
 Kalau kita hendak bercakap.

34. Dari mana datangnya lintah,
 Dari rumah terus ke titi;
Dari mana datangnya cinta,
 Dari mata terus ke hati.

35. Jangan suka tolak kereta,
 Rosak nanti pohon berangan;
Jangan suka bermain cinta,
 Rosak binasa berpanjang-panjangan.

36. Baik-baik pergi ke hulu,
 Singgah sebentar sembahyang di surau;
Baik-baik fikir dahulu,
 Cinta jangan dibuat bergurau.

37. Adat membalas terima kasih,
 Itulah tanda orang bersahabat;
Bukan senang memadu kasih,
 Pujuk rayu barulah baik.

38. Jaga baik memotong kayu,
 Anak helang terbang melayang;
Kalau pandai memujuk rayu,
 Hilang benci timbullah sayang.

39. Naik bukit turun bukit,
 Hendak menebang si pokok jati;
Bukan kerana wang dan ringgit,
 Asal pandai mengambil hati.

40. Kalau hendak ke Tanjung Karang,
Belikan saya beras kati;
Hairan sungguh budak sekarang,
Kenapa bercinta tidak sebati.

41. Beli bahulu tanah seberang,
Nama dia bahulu kemboja;
Lain dulu lain sekarang,
Cinta dibuat tidak sengaja.

42. Jangan suka pasang pelita,
Kena jari susah ubatnya;
Jangan suka bermain cinta,
Lekat di hati susah ubatnya.

43. Tepung bungkus tepung pelita,
Untuk dihantar ke Kuala Bekah;
Kalau asyik bermain cinta,
Cepat-cepat pergi menikah.

44. Sayang Cik Limah berambut perang,
Dibuat sanggul untuk menari;
Cinta-cinta jangan temberang,
Kelak menyesal merana diri.

45. Bertiga sumpahnya pahlawan,
Keris dihunus musuh dilawan;
Masih geram tiada ketahuan,
Seperti orang mabuk cendawan.

46. Dengan tidak diduga-duga,
Belum dapat penglima ketiga;
Seperti orang sedang dahaga,
Keris dihunus dengan berbangga.

47. Jerondeh nama diberi,
Orang suruhan datuk sendiri;
Pandai jenaka setiap hari,
Orang ketawa kanan dan kini.

48. Gilakan Cik Embun tiada semena,
Bila dipandang hati merana;
Apa dibuat serba tak kena,
Tergagap-gagap mata terlena.

49. Cik Embun manis tapi gagap,
Tersedak kalau ia bercakap;
Nak keluar kata berdegap-degap,
Mulutnya muncung macam siakap.

50. Tersebut konon di kebun sana,
Mahsuri duduk hampir nak lena;
Sambil memegang si bunga cina,
Seperti ada yang tidak kena.

51. Dengar suara sangat merdu,
Darah Mahsuri berdebar terlalu;
Apa dicari apa tergaru-garu,
Macam orang terkena sembilu?

52. Mahsuri tak sedar Kelana di sana,
Bersembunyi di bawah si pokok sena;
Bila terpandang dara teruna,
Hati bergolak gundah gulana.

53. Bunga cempaka baunya harum,
Gugur sekuntum di tepi kota;
Bertentang mata bertemu belum,
Bagaimana hati tak cinta.

54. Bentara dalam Datuk Laksamana,
Duduk bawah di pokok sena;
Patut semalam tidur tak lena,
Jumpa nak jumpa abang kelana.

55. Sampai masa sampai bilangan,
Bunga dicampak dari tangan;
Disambut teruna dalam genggaman,
Ini tanda hari pertunangan.

56. Deramang melompat sakitnya hati,
Cemburukan Kelana tidak berhenti;
Dia bertempik tidak berhenti,
Kubunuh kamu engkaukan mati.

57. Atas pelamin sutera bertekat,
Mahsuri Kelana bersanding dekat;
Para jemputan hati terpikat,
Siapa yang pulang diberi berkat.

58. Di Balai Adat Dato' berperi,
Kelana Deramang bangkit berdiri;
Keris dihunus pahlawan bistari,
Bersumpah berseru musuh dicari.

59. Kelana mengikut Dato' pergi,
Lela Deramang di pulau menanti;
Musuh menyerang kamu perhati,
Bunuh musuh sampai mati.

60. Deramang mendengar sukanya hati,
Inilah maksud dinanti-nanti;
Inilah menjadi satu bukti,
Melepaskan dendam firasat di hati.

61. Dengan tidak semena-mena,
Mahsuri terkenang pada Kelana;
Hai Lela yang bijak laksana,
Apa khabar abang Kelana di sana.

62. Tenangkan hati wahai Kak Mahsuri,
Berdoalah kita setiap hari;
Selamat abang Kelana Allah memberi,
Menentang musuh Kelana tak pernah lari.

63. Kalau sudah kata berperi,
Ingatlah seperti kakakmu sendiri;
Hidangan nasi kakak nak beri,
Lauk ikan semilang dimasak kari.

64. Dengan tidak disangka-sangkanya,
Deramang datang dengan niatnya;
Nak goda Mahsuri konon hatinya,
Dengar suara laki-laki siapa agaknya.

65. Hai Deramang jangan begitu,
Jangan jatuh hukuman tak tentu;
Seperti orang melempar batu,
Kira dulu satu persatu.

66. Kalau kamu orang bijaksana,
Ini adalah fitnah semata;
Kau hukum kami tak semena-mena,
Kelak kau dapat bala bencana.

67. Mahsuri diikat bersama Lela,
Ke Padang Mat Sirat mereka dihela;
Perbuatan Deramang tak tentu hala,
Tak silap seperti orang yang gila.

68. Di sana sini terpekik terpekau,
Macam orang terkena pukau;
Macam tok nenek mabuk tembakau,
Baik tak termasuk dalam relau.

69. Lela bertempik tangan diikat,
Apa fikiran sangatlah singkat;
Hei Deramang, Mahsuri engkau nak pikat,
Seperti ikan dalam pukat.

70. Inilah dia serba tak kena,
Mabuk kepayang tidur tak lena;
Melalak ke sini dan ke sana,
Habis-habis membuat fitnah.

71. Hei Deramang aku ini Lela Kencana,
Ingat kamu kalau tahu Abang Kelana;
Nama Mahsuri dijadikan fitnah,
Huh engkau diheret sampai ke Lautan China.

72. Sudahlah Deramang apa dinanti,
Tunjukkanlah segala bukti;
Jangan mengikut sesuka hati,
Bunuhlah kami berdua hinggakan mati.

73. Bila Mahsuri habis berkata,
Merah muka Deramang serta merta;
Terus dia hunuskan senjata,
Ternganga mulut terbeliak biji mata.

74. Terus ditikam pada Mahsuri,
Darah memancut tiada terperi;
Menggeletar tubuh orang kanan dan kiri,
Melihat Mahsuri wajah berseri.

75. Aku bersumpah kalau aku orang yang benar
Allah akan menunjukkan kebenaran aku
Hai Deramang persumpahan aku Mahsuri
Siapa yang membuat khianat dan fitnah kepada aku
Aku bersumpah tujuh keturunan yang memerintah Langkawi
Tidak menemui selamat
Pulau Langkawi ini menjadi Padang Jarak Padang terkukur
Inilah sumpah akan Mahsuri

76. Sampai sudah masa bilangan,
Air mata jatuh berlinangan;
Lepaskan hajat hati di tangan,
Di Pulau Langkawi jadi kenangan.

77. Terbang helang di atas kota,
Beras padi di dalam petak;
Sakit sampai sendi anggota,
Tangkai hati bagai di sentak.

78. Beras padi dalam petak,
Batu belah atas perahu;
Tangkai hati bagai disentak,
Melainkan Allah juga yang tahu.

79. Batu belah dalam perahu,
Tanglung hanyut dari hulu;
Melainkan Allah juga yang tahu,
Menanggung sakit tiada bermalu.

80. Tanglung hanyut dari hulu,
Lantai balai dibelah-belah;
Menanggung penyakit tiada bermalu,
Melainkan serah kepada Allah.

81. Lantai balai dibelah-belah,
Dari Gersik ke Surabaya;
Berserah kita kepada Allah,
Sudah nasib apakan daya.

82. Dari Gersik ke Surabaya,
Anak tani bermain padi;
Sudah nasib apa nak daya,
Sudah bilangan akan terjadi.

83. Assalamualaikum saya memberi,
Asal cerita saya memberi;
Tersebut kisah sebuah negeri,
Sultannya adil bijak bistari.

84. Nenekku bernama Dewa Syafri,
Perintahnya adil dalam negeri;
Mempunyai seorang permaisuri,
Mempunyai putera dan puteri.

85. Bang Senggara Putera yang tua,
Seri Bunian puteri yang muda;
Satu hari ditimpa malapetaka,
Tiada satu siapa yang sangka.

86. Pada suatu malam hari,
Bunyi bising terlalu ngeri;
Orang menoleh kanan dan kiri,
Apa benda datang ke mari.

87. Adinda bermohon kepada kekanda,
Bang Senggara bijak bistari;
Kalau kesian kepada adinda,
Adinda mohon ke taman sari.

88. Kalau pergi paduka adinda,
Jangan makan buah yang muda;
Kerana ayahanda bonda tiada,
Takut hantu datang menggoda.

89. Ayahku bernama Dewa Laksana,
Dalam delima dia mengerna;
Diambil bondaku dengan sempurna,
Nak dibawa pulang ke istana.

90. Alangkah cantik delima berseri,
Baik aku makan sendiri;
Aku bawa pulang ke istana puri,
Aku tunjuk abangku bistari.

91. Bondaku makan dalam istana,
Buah delima berwarna-warna;
Menjadi aku haram tak guna,
Dibuat orang hina menghina.

92. Ya Allah Ya Tuhanku,
Inilah cerita dagang piatu;
Tolong sampaikan dengan ayahandaku,
Untuk melihat tingkat dan laku.

93. Aku dipukul dan dihina,
Pak tua tidak ambil sempurna;
Diberinya makan bawah istana,
Mentang-mentanglah aku tidak berguna.

94. Maki dan nista setiap hari,
Dicubit dihamun kanan dan kiri;
Kalau ada ibuku sendiri,
Takkan aku jadi begini.

95. Dibuat oleh tujuh puteri,
Langsung tidak mengasihani di hati;
Diperbuat seperti anak tiri,
Pak Tua tidak ambil peduli.

96. Kalau ada ayah bondaku,
Tidak sampai melihat aku;
Kerna perbuatan tingkah dan laku,
Tidakkah belas memandang aku.

97. Baru sembah Dato' Menteri,
Patik menyembah menyusun jari;
Perintah Sultan yang punya negeri,
Itulah gajah yang menghampiri.

98. Tuanku dilantik menjadi sultan,
Perintah negeri utara selatan;
Adil tuanku bukan buatan,
Rakyat menatang seperti intan.

99. Ini syarat patik memberi,
Tuanku rasa mesti gemari;
Kerana patik Perdana Menteri,
Mesti menikah tujuh puteri.

100. Baru sultan berangkat ke istana,
Apa perintah sangat berguna;
Dinikahkan oleh Menteri Perdana,
Kepada tujuh puteri rakna.

101 Baru senang di dalam hati,
Tempat permaisuri siapa nak ganti;
Bang Senggara fikir dengan teliti,
Dalam ketujuh ia perhati.

102. Baru berfikir Abang Senggara,
Wahai rakyat hulubalang tentera;
Sudah putus beta berbicara,
Sudah nampak dengan ketara.

103. Apakah hal Dato' Perdana Menteri,
Bicara sudah kita memberi;
Beta nak ambil jadi permaisuri,
Puteri Bongsu yang bijak bistari.

104. Bang Senggara turun memegang tangan,
Wahai adinda Seri Jambangan;
Kekanda mengambil jadi kenangan,
Permaisuri ketujuh jadi suntingan.

105. Permaisuri kuntum delima,
Ampunlah patik mohon bersama;
Patutkah patik pacal yang hina,
Patik takut tidak terkena.

106. Wahai adinda mahkota negeri,
Adinda menjadi permaisuri;
Kalau adinda orang tak gemari,
Kekanda turun dari singgahsari.

107. Wahai puteri bongsu mari ke mari,
Engkau buat anakku tidak terperi;
Bukankah aku amanah tempohari,
Jangan engkau undur nak lari.

108. Ampun Pak Tua Bang Senggara,
Jangan buat budi bicara;
Lepaskan bonda suri dengan segera,
Baiknya hati tidak ketara.

109. Kalau Pak Tua mahu tahu,
Inilah rotan inilah batu;
Pak Tua ambil di Pulau Bandu,
Inilah ayah inilah ibuku.

110. Ampun ayahanda Dewa Laksana,
Walau pun ayah jauh di mana;
Menjelmalah ayah dengan sempurna,
Melihat anakanda dagang yang hina.

111. Menjelmalah dua suami isteri,
  Ia menangis tidak terperi;
Sampai hati kekanda bistari,
  Dipukul orang kanan dan kiri.

112. Sabar juga antara kedua,
  Adinda bunian kekanda Bang Senggara;
Sudah tahu nasib tak terkira,
  Biar putuskan budi bicara.

113. Di Bandar Firus sebuah negeri,
  Dilanggar garuda tiada terperi;
Sekarang kekanda hendak mencari,
  Biar kekanda pergi sendiri.

114. Sudah sampai masa bilangan,
  Selendang Delima mempunyai tunangan;
Dewa angkasa dari kayangan,
  Itulah ia yang berangan-angan.

115. Sudah ditutup syair Selendang Delima,
  Penat lelah Mak Minah bersama;
Akal yang bijak datang menjelma,
  Itulah ia paling utama.

116. Bila terkejut Tengku Mahkota,
  Ia mencari merata-rata;
Puteri dah ghaib sekelip mata,
  Tercengang ia tak tahu nak kata.

117. Siapa gerangan puterinya itu,
  Membuat aku jadi tak tentu;
Cantik majlis intan bermutu,
  Mesti ada rahsia sesuatu.

118. Di panggil dayang kanan dan kiri,
  Seperti orang tak sedar diri;
Riuh rendah di istana puri,
  Dayang berkejar berlari-lari.

119. Panggilkan Jaafar Sidek dengan segera,
Omar Baki, Abdullah Sani sama setara;
Muhammad Mahyudin yang bijak berbicara,
Pakatan kami seperti seperti saudara.

120. Bila datang empat sekawan,
Datang seperti gaya pahlawan;
Duduk menyembah raja dermawan,
Terletak jari atas pangkuan.

121. Wahai saudara bijak bistari,
Kerana beta jemput ke mari;
Ingin rasanya hendak berperi,
Apa kata kalau kita ke luar negeri.

122. Mari berangkat ke Balairong Seri,
Mengadap tuanku sultan bistari;
Duduk menyembah menyusun jari,
Kita bermohon ke luar negeri.

123. Sultan bersemayam di atas takhta,
Disembah sekalian rakyat jelata;
Apa ingin Sultan bertitah,
Kita harus menurut perintah.

124. Tengku Mahkota mengadap duli yang rana,
Duduk menyembah ya maulana;
Ampunkan patik hamba yang hina,
Kalau ada kesilapan yang tidak kena mengena.

125. Wahai anakanda Tengku Mahkota,
Tuanlah seorang cahaya mata;
Apa maksud apa yang dicita,
Supaya ayahanda tidak berdukacita.

126. Anakanda berlayar tak tentu ke mana,
Mengikut juragan yang bijaksana;
Antara negeri Arab atau negeri China,
Dalam pelayaran banyak bencana.

127. Bila didengar kata bicara,
Hati Roidah tak tentu hara;
Menangis Siti tidak terkira,
Rasa nak pengsan dengan segera.

128. Patik rasa sangat bimbang,
Melepaskan tuanku di laut gelombang;
Bukan selalu bulan mengambang,
Di mata patik sentiasa sinar mengambang.

129. Dengar tuanku patik nak bilang,
Jangan tuanku berhati walang;
Jangan cuba patik dihalang,
Biarpun nyawa patik yang hilang.

130. Jangan tuanku bersusah hati,
Di mana tuanku patik menanti;
Sudah direnung sudah diteliti,
Kalau jadi malapetaka biar patik yang mati.

131. Kalau sudah putus kata bonda Roida,
Anakanda bermohon pada duli baginda;
Lengkap sekalian apa yang ada,
Di laut yang dalam kita melanda.

132. Sudah muktamad kata diberi,
Titah baginda sultan di negeri;
Di perintah semua hulubalang menteri,
Mengiringi anakanda bistari.

133. Cukup sudah masa bilangan,
Layar terkibar melayang-layangan;
Sultan dan Suri air mata berlinangan,
Apa nak jadi puteraku gerangan.

134. Faitul Razaq nama bahtera,
Dijaga oleh empat saudara;
Cukup semua bala tentera,
Ayuh semua mari segera.

135. Ramai orang tidak terkira,
Banyak bercucuran air mata;
Belayar sudah Tengku Mahkota,
Sultan dan Permaisuri berdukacita.

136. Permaisuri mangkatlah sudah,
Hati sultan sangatlah gundah;
Kasihan melihat Siti Zubaidah,
Mempunyai ayah bonda mangkatlah sudah.

137. Sudah fikir dengan teliti,
Baikku bawa anakku Siti;
Ke Pulau Perenggi ingin di hati,
Di sana boleh membuat bakti.

138. Negeri Eraqkhan Qashtan,
Muhammad Tahir kujadikan Sultan;
Selesai semua sekalian pakatan,
Barulah beta letakkan jawatan.

139. Bila dititah sultan bistari,
Konon nak berangkat ke luar negeri;
Sibuk dayang kanan dan kiri,
Tak tentu apa yang nak dicari.

140. Sibuk inang kiri dan kanan,
Nan menanak sediakan makanan;
Buatlah kuih yang Siti berkenan,
Kalau tak buat takut jadi kempunan.

141. Apa lagi halua maskat,
Kena di jari tentu melekat;
Dayang inang semua berpakat,
Untuk Siti Zubaidah bekal berangkat.

142. Dayang inang berhati-hati,
Mereka berkemas sama memperhati;
Sambil bergurau tidak berhenti,
Pakaian disusun di dalam peti.

143. Lauk pauk sudah sediakan,
  Gulai daging, ayam, udang dan ikan;
Kepada Sultan Siti Zubaidah sediakan,
  Tak lupa pula untuk teman dan rakan.

144. Bulan Muharam bulan yang ada,
  Sultan tabalkan paduka anakanda;
Menjadi Sultan menggantikan ayahanda,
  Disembah sekalian wazir biduanda.

145. Sultan berpesan pada anakanda,
  Jagalah negeri peninggalan ayahanda;
Ikut nasihat menteri yang ada,
  Jagalah hati rakyat jangan tiada.

146. Sudah tamat putus bicara,
  Tiada apa lagi yang dikira;
Berpisah sudah dua saudara,
  Dua beranak pergi mengembara.

147. Sampah sudah di Pulau Perenggi,
  Gunung teratur nampaknya tinggi;
Pantainya bersih bersegi-segi,
  Senang bahtera berulang pergi.

148. Di tengah malam bulan mengambang,
  Bahtera melintas di lautan gelombang;
Orang di bahtera tak rasa bimbang,
  Ibarat bunga baru nak kembang.

149. Tak disangka-sangka datangnya ribut,
  Laut bergelombang berkelam-kabut;
Timbul tenggelam laksana sabut,
  Nama Allah sahaja yang disebut-sebut.

150. Setelah sudah ribut berhenti,
  Senang semuanya di dalam hati;
Itulah yang dinanti-nanti,
  Baik kita semua tak mati.

151. Duduk di haluan Tengku Mahkota,
Tertitis melinang si air mata;
Terkenangkan negeri Kebayat tercinta,
Hancurnya hati tiada terkata.

152. Dari jauh nampak kelihatan,
Berkilau-kilauan bukan buatan;
Seperti pulau di tengah lautan,
Ada mahligai seperti intan.

153. Dengan tidak semena-mena,
Dilihat pula ada istana;
Siapa pula yang membina,
Rasa teringin nak ke Pulau sana.

154. Mari sini saudaraku keempat,
Mereka terkejut sambil melompat;
Apa Tengku lihat dalam makrifat,
Patik mencari sampai dapat.

155. Menyahut Jaafar Sidek sambil berperi,
Ampun tuanku mahkota negeri;
Izinkan patik pergi mencari,
Kalau tak sempat jalan biar patik berlari.

156. Lalu berkata Omar Baki,
Patik berempat boleh pergi;
Tetapi nama pulaunya tak tahu lagi,
Kerana hari masih pagi.

157. Apa lagi nak bicara,
Sudah dihitung putus kira-kira;
Tuanku tunggu atas bahtera,
Patek bermohon empat saudara.

158. Muhammad Mahyuddin seorang yang sabar,
Dia mengucap Allah Huakbar;
Jangan lupa selalu istighfar,
Barulah kira panjang dan lebar.

159. Kita nak pergi tempat orang,
  Jangan dibuat sebarang-barang;
Tilik dulu terang-terang,
  Bukan kita nak pergi menyerang.

160. Benar kata Muhammad memberi nasihat,
  Kita pergi dengan baik bukannya jahat;
Mari kita semua berpakat,
  Barulah kita mendapat berkat.

161. Turut perintah Tengku Mahkota,
  Pasang meriam serta merta;
Bukan datang buat sengketa,
  Cuma hendak bertentang mata.

162. Cantiknya pulau pasirnya putih,
  Berdayung sekoci sangatlah letih;
Bila dipandang seperti bertih,
  Melepaskan lelah duduk berhenti.

163. Terkejut orang tidak terperi,
  Jatuh bangun mereka berlari;
Ada khabaran hendak diberi,
  Kepada pendeta ulama sendiri.

164. Assalamualaikum wahai pendeta,
  Hamba datang ke mari serta merta;
Hamba tak tahu apa nak kata,
  Musuh menyerang merata-rata.

165. Bila sampai atas bahtera,
  Diberi salam dengan segera;
Senangnya hati tidak terkira,
  Mengangkat sembah terus berbicara.

166. Ampun tuanku Duli Syah Alam,
  Kepada tuanku pendeta memberi salam;
Jemput ke pulau siang dan malam,
  Persila tuanku putera pualam.

167. Tidak selang berapa hari,
Orang di bahtera bersiap diri;
Mengirimkan baginda mahkota negeri,
Kelasi beratur kanan dan kiri.

168. Bila sampai istana larangan,
Baginda disambut berbimbing tangan;
Baginda tersenyum sangat kegirangan,
Ulama peluk Zainal sambil berangan-angan.

169. Sudah santap di Balai Seri,
Ramai orang kanan dan kiri;
Dirasa makanan sedap tiada terperi,
Macam masakan di rumah sendiri.

170. Abdullah Sani muda rupawan,
Aiii Jaafar bagaimana rasamu tuan?
Semua makanan jadi tumpuan,
Yang masak ni aku hairan laki-laki ke perempuan?

171. Jaafar menyahut apa kamu kata,
Jaga baik-baik Tengku Mahkota;
Kalau di dengar ulama pendeta,
Tentulah malunya kita ternyata.

172. Sudah santap Mahkota negeri,
Pendeta pula lalu berperi;
Wahai Zainal yang amat bistari,
Apa khabar ayahanda di negeri?

173. Baik semua ayahanda di negeri,
Memerintah wakil Kembayat negeri;
Dia tak memberi hamba ke mari,
Itu saja ia berperi.

174. Jika ada izin diberi,
Anakanda bermohon mengundur diri;
Jika ayahanda sudi memberi,
Ingin pulang ke bahtera sendiri.

175. Bila mendengar Zainal berkata,
  Sahabat berempat mengalir air mata;
Dipeluk Zainal serta merta,
  Ampunkan patik tengku Mahkota.

176. Apa niat di dalam hati,
  Inilah rahsia dinanti-nanti;
Kalau ada tabir yang sakit,
  Penyakit beta dapat diubati.

177. Kalau sudah habis bercekerama,
  Eloklah kita berangkat bersama;
Kita berjumpa pendeta ulama,
  Titah baginda mereka menerima.

178. Siti Roidah mengadap dulu,
  Pendeta ulama yang menjadi penghulu;
Rasa segan bercampur malu,
  Hendak bermadah rasanya silu.

179. Sebab hamba datang ke mari,
  Tumpang bersiram rasanya diri;
Jika izin pendeta memberi,
  Air di pulau sangatlah digemari.

(tidak sempat dihabiskan kerana selepas itu Mak Minah diserang stroke)



Berdoa di kubur suaminya yang tercinta.



Mak Minah seorang yang penyayang dan teramat kasih kepada suaminya.



Hidupnya penuh sederhana.



Mengenang kembali pemergian suami yang amat dicintai.



Jiwa Mak Minah mudah tersentuh, tapi hatinya lembut.




Penampilan serba boleh seorang primadona.




Bersama Pak Murad, Prof. Rahmah Bujang semasa bengkel bangsawan.



Mengajar Silat di *Penang Cultural Centre* (PCC) Teluk Bahang, Pulau Pinang.



Dengan seorang Penari dalam tarian Panji Asrama sempena ulang tahun UMNO di Dewan UMNO, Pulau Pinang.



Bersama rombongan mengadap Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dan Keluarga.



Bersama YM. Dato Tengku Alaudin bin Tengku Abdul Majid, KSU Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.



Sewaktu menerima pingat Jasa Kebaktian Masyakarat (PJM) Oleh TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang



Mak Minah dan Pak Alias menerima pingat PJM dan PJK di atas Jasa dan Kebaktiannya.



Mak Minah memenangi tempat kedua dan Pak Alias tempat pertama dalam pertandingan Dondang Sayang kawasan Utara negeri Pulau Pinang pada tahun 1968



Bersama peserta akhir Bintang Radio Anjuran RTM Pulau Pinang pada tahun 1968



Biarpun sudah lanjut usia, suara Mak Minah tetap menghiburkan



Mak Minah antaranya penyanyi 'favourite' almarhum Tunku Abdul Rahman dengan lagu kesukaannya 'Bunga Tanjung'



Aksi Seorang Primadona



Mak minah dengan bangganya menunjukkan keratan akhbar diatas penglibatannya dalam dunia seni



"Perjuangan Mak ikhlas", ujar beliau dalam satu temubual bersama penulis




Bersama salah seorang anak muridnya, Marlia Musa



Bersama Peserta-peserta dan Fasilitator Bengkel Bangsawan di Istana Budaya



Temubual bersama Radio Singapura



Kenangan bersama Dato' Tengku Alaudin Tengku Abd Majid dalam majlis jamuan di kompleks Pustaka Warisan Seni, Pulau Pinang.

PROFIL



Aminah & Alias:

# Cintanya di Pentas Bangsawan

Oleh SALMIAH ISMAIL



3 Living

■ FROM PREVIOUS PAGE

...If pantun are, as the Malays assert, the heart of Malay culture, than Dondang Sayang is its ultimate perfection, for such an apparent disorder can only

Ia muncul di Nusantara seabad lampau

# Bangsawan diwujudkan semula

Rencana
HASSAN AHMAD
Gambar
SAMSUDDIN
OLI MOHAMED




Daripada warisan budaya manusia akan mengenal masyarakat dan bangsanya






TIMES TWO
Stage set for bangsawan comeback
Gimmacom Office Automation Sdn. Bhd.

# AZIZI TAK TAHU KONSEP JENAKA BANGSAWAN

Oleh ALIAS MANAN & MINAH NAIN (SRI TIMUR BANGSAWAN)

KAMI ingin memberi penjelasan berhubung dengan tulisan Encik Azizi bin Haji Abdullah yang mengulas mengenai persembahan Bangsawan Sri Timur di Dewan Sri Pinang seperti yang tersiar dalam Mingguan Timur keluaran 21 September yang lalu.

[illegible]



Pak Alias



Mak Minah

[illegible]

Terima kasih.


Diari kehidupan

Pak Alias dan Mak Minah tidak akan berganjak walau setapak demi warisan seni

# Dunia bangsawan bagai urat dan nadi

Oleh ABDUL RAHMAN HUSSAIN Gambar ASNAN IBRAHIM



# Peradaban seni dalam keperibadian Mak Minah

Buai TEATER

MAK MINAH

## ''فنتس جادي سكولهڽ دان تمفة چاري رزقي''





# عزم سئورڠ توکوه بڠساون

اوله وهبا



# AMINAH ALIAS - SERI PANGGONG BANGSAWAN YANG DILUPAKAN





SEMENTARA






ROSSITA BASIRON